

Negeri Kita

Wadah Informasi Anda

MUKA 19

ASEAN GEMS tawar dana biasiswa RM17.68 juta

Dakwaan Islam terancam, tergugat adalah naratif palsu – Zulkifli

Propaganda 'Islam terancam' permainan politik Khawarij

Henti segera penyebaran berita fitnah, titah Raja-Raja Melayu

Naratif Islam terancam, tergugat sekadar cubaan kaburi mata rakyat

Amalkan sikap 'tabayyun', elak terpengaruh dengan dakwaan berunsur fitnah

NARATIF JAHAT:

ISLAM TERANCAM, MELAYU DIPINGGIRKAN

REALITI PELBAGAI PROGRAM PENGIMARAHAN ISLAM

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas pada Disember 2023 bagi mengatasi pertandingan bidang kuasa dalam perundangan Islam demi memastikan keadilan dan kesejahteraan masyarakat dapat dilaksanakan.

Majlis Sama' Hadis al-Bukhari Peringkat Antarabangsa Seri Perdana - 25 Nov 2024

Penyampaian taushiyah & majlis ilmu oleh para ulama' tersohor dunia - Bernama 24 Nov 2022

Festival Turath Islami Selangor - 26 Mei 2024

Festival Kota Sufi Negeri Sembilan - 25 Ogos 2023

Perkampungan Sunnah Perlis - 3 Mei 2024

Subjek Hadis 40 di sekolah - Bernama 17 Ogos 2023



27



Malaysia-Türkiye yakin lonjakan perdagangan dan pelaburan melebihi RM44 bilion

5



Bazar Ramadan akan disita jika guna pekerja asing

6



Harga Beras Putih Tempatan kekal RM2.60 sekilogram

24

NARATIF JAHAT: ISLAM TERANCAM, MELAYU DIPINGGIRKAN

Analisa: Fitnah, sebar dan ulang

SUDAH dua tahun Kerajaan Perpaduan yang dipimpin oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim mentadbir Malaysia. Sejak dari hari pertama, kita dapat lihat pelbagai lontaran-lontaran jahat dan fitnah dilakukan kononnya Kerajaan Perpaduan tidak dipilih rakyat. Tragedi ini bermula apabila, Pengerusi PN, Tan Sri Muhyidin dengan angkuhnya menolak tawaran dari DYMM YDPA ke 16, untuk membentuk kerajaan bersama-sama dengan Pakatan Harapan dan Barisan Nasional.

Sejak dari sidang parlimen yang pertama pasca PRU-15, kita dapat lihat tiada isu-isu yang dibangkitkan berkaitan dengan kelemahan pentadbiran YAB Perdana Menteri. Yang ada hanya isu-isu yang berkaitan sentimen dan tuduhan tanpa fakta. Mungkin ada yang sebut seratus hari di bawah pentadbiran Anwar Ibrahim tiada berkesan. Itu biasa. Seratus hari itu baru tiga bulan mentadbir. Tetapi hari ini telah lebih dua tahun. Naratif jahat itu masih lagi dimainkan. Ekonomi merudum, ringgit semakin teruk, Islam semakin diancam, orang bukan Islam semakin berani, harga barang naik mendadak, orang semakin susah, Anwar Ibrahim pro-Israel, DAP menguasai Kerajaan Perak, DAP menentukan teks khutbah Negeri Perak dan lebih teruk Majlis Raja-Raja akan pecat Anwar Ibrahim. Itulah naratif jahat dan fitnah yang sengaja dibuat.

Apa sebenarnya yang mereka mahu? Apakah dengan mengerahkan semua 'cybertrooper' mereka bermain dengan isu-isu ini akhirnya boleh menjadikan Malaysia semakin baik? Atau ada tujuan lain yang menyebabkan mereka sanggup bertahan selama dua tahun ini untuk bermain dengan fitnah dan adu domba? Setelah kita mengkaji pelbagai isu yang dibangkitkan, kita dapat beberapa faktor yang menyebabkan naratif jahat ini dipermainkan di media sosial.

Pertama, kumpulan pembangkang tidak boleh mencari isu atau skandal besar yang boleh dimainkan terhadap Kerajaan Perpaduan. Jika isu empat puluh tujuh kes Zahid Hamidi dimainkan, mereka perlu ingat yang membebaskan tuduhan kes Zahid Hamidi sebelum ini adalah di bawah pentadbiran Muhyiddin dan Ismail Sabri. Cubaan sebelum ini menuduh kerajaan sebagai pro-Israel dengan mengaitkan penjualan saham MAHB kepada syarikat Black Rock telah menunjukkan tahap cubaan fitnah yang sangat tidak bermaruah. Pelbagai fakta diberikan terutamanya dalam parlimen, tetapi mereka tetap menyalak di luar parlimen dengan fitnah jahat tersebut. Dicanang seolah-olah ini adalah maklumat dalaman, sedangkan ia hanyalah naratif jahat yang disusun dengan mengulang-ulang supaya ia dilihat benar.

Kedua, mereka akan sentiasa gunakan 'headlines' kontot dari mukabuku Sinar Harian sebagai rujukan dan disebarkan untuk buat orang Melayu marah. Kita semua tahu itu adalah cara 'marketing'



Walau sering ditohmah dan difitnah, ia tidak memberi kesan kepada PMX untuk terus fokus membina semula Malaysia, mengangkat martabat agama dan bangsa.

Sinar Harian. Tapi pembangkang, baik pemimpin sampai ke pengikut bawahan akan gunakan tajuk itu sebagai bahan sebaran. Mereka akan salin dan tampal di semua "Group Whatsapp".

Isu yang mereka suka adalah isu yang melibatkan orang Cina. Apa sahaja yang dibuat oleh orang Cina, mereka akan terus kaitkan dengan DAP. Mereka akan tambah perasa dengan tuduh Kerajaan Madani tidak berani dengan orang Cina sebab takut hilang undi. Ada lagi fitnah yang dibuat, kononnya 1.2 juta pelancong China masuk Malaysia dan tidak keluar-keluar. Dahsyat sungguh tuduhan dan fitnah yang dimainkan.

Mungkin itu adalah makanan yang paling murah untuk dijual kepada orang Me-

layu. Inilah wajah pembangkang hari ini. Mereka pula yang memainkan isu perkauman. Jika zaman dahulu, biasanya kerajaan yang akan menakut-nakutkan rakyat dengan sentimen perkauman. Tetapi hari ini sudah terbalik.

Ketiga, mereka akan gunakan orang agama atau kumpulan NGO Melayu untuk bercakap bagi pihak mereka. Contohnya isu Adendum dan isu RUU URA (Urban Renewal Act). Isu Titah Adendum memang sengaja dimainkan. Hakikatnya titah Adendum itu hanyalah permainan penyokong Najib Tun Razak yang tiada kaitan dengan Kerajaan Perpaduan. Apa yang lebih pelik, parti pembangkang sanggup berhimpun depan mahkamah bagi menyokong salah laku Najib Razak yang da-

hulunya Muhyidin Yasin antara orang yang paling lantang mengkritik Najib Razak ketika masih dalam UMNO. Isu URA pula lebih seronok mereka jaja ke hulu ke hilir di luar parlimen. Mana tidaknya, ada pihak lain iaitu NGO Melayu dan seorang bekas professor yang menjadi jurucakap dan membakar sentimen seolah-olah RUU URA ini akan menghalau orang Melayu keluar dari bandar. Lebih parah Syed Saddiq yang sibuk bercinta dengan Bella pun mahu menjadi hero dalam isu yang belum pun dibentang di parlimen.

Kita boleh lihat modus operandi yang mereka lakukan hanyalah fitnah, ulang dan sebar. Mereka hidup berteorikan Machiaville. Matlamat menghalalkan cara. Lebih memalukan adalah parti yang mengaku bertunjangan Islam melakukan agenda ini. Negara kita ini tidak boleh mengizinkan isu perkauman dijadikan modal politik. Pembentukan negara bangsa di bawah panji Malaysia bukanlah suatu yang baru kerana tanah air ini telah merdeka sejak 60 tahun lalu. Hanya kerana tidak dapat merasai tampuk kuasa, mereka terus membakar sentimen kaum dan agama. Kita sebagai rakyat pastinya tidak mahu tragedi 13 Mei berulang. Kita semua tahu bahawa ia berpunca dari semangat perkauman yang tidak terkawal sehingga mencetuskan rusuhan. Sedangkan hari ini, kita semua telah hidup secara aman damai dan dilindungi oleh undang-undang.

Cuma, baru-baru ini kita dapat lihat satu perhimpunan di sebuah masjid di Kuantan, Pahang yang dihadiri oleh DYMM Tuanku Sultan Pahang. Titah Baginda sangat jelas menunjukkan kebersamaan Tuanku dengan Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang ada pada hari ini. Bahkan Tuanku sendiri menjawab berkenaan Titah Adendum yang dimanipulasi oleh sesetengah pihak. Lebih-lebih lagi dua tiga hari sebelum himpunan tersebut, pihak pembangkang menyuruh seluruh penyokong mereka berkumpul. Malangnya, segala tuduhan dan tohmahan mereka dengan tujuan membakar semangat orang Melayu dipatahkan sendiri oleh Titah Tuanku Sultan Pahang. Mungkin orang Melayu selama ini terlalu leka. Jika mahu menyalahkan orang sebelum ini, boleh sahaja. 60 tahun di bawah pemerintahan satu parti politik, apa yang jadi dengan tanah rizab Melayu dan pemilikan ekuiti bumiputera?

Takdir Allah, insan bernama Anwar Ibrahim sedang diberi tugas untuk memulihkan semula segala kepincangan yang berlaku sebelum ini. Tetapi ada yang menjerit sehingga keluar anak tekak seolah-olah kepimpinan Anwar Ibrahim yang salah. Paling mudah mereka tuduh Malaysia dikuasi oleh orang Cina. Siapa Cina itu, DAP. Kenapa DAP, sebab dia Komunis. Itulah mainan-mainan mereka yang sudah hilang kuasa. Tapi kita kena yakin seperti mana Hang Tuah pernah kata yang "Takkan Melayu Hilang di Dunia". Persoalannya, Melayu yang bagaimana?

Warga emas didenda RM30,000 muat naik hantaran palsu Agong, Majlis Raja-Raja



SEPAANG: Mahkamah Sesyen di sini mendenda seorang warga emas selepas mengaku bersalah memuat naik hantaran bersifat kandungan palsu mengenai Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja menggunakan aplikasi Facebook miliknya, pada 8 Februari.

Johari Ismail, 67, didakwa secara sedar membuat dan memulakan penghantaran komunikasi itu menggunakan aplikasi akaun Facebook Johari Ismail, dengan niat menyakiti hati orang lain.

Lelaki itu didakwa memuat naik hantaran bersifat kandungan palsu yang diletakkan untuk tontonan umum, mendakwa Majlis Raja-Raja membuat undian mengambil tindakan terhadap kerajaan kerana ingkar melaksanakan dokumen tambahan melibatkan kes bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Hantaran berkenaan kemudian dilihat pasukan siasatan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) di MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyberjaya,

kira-kira 12.59 tengah hari pada 9 Februari.

Pertuduhan dilakukan mengikut Seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia (AKMM) 1998 (Akta 588) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 233 (3) akta sama.

Akta itu memperuntukkan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali dan boleh didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan, jika disabitkan kesalahan.

Pendakwaan oleh Timbalan Pendakwa Raya MCMC, Faten Hadni Khairuddin, manakala Johari tidak diwakili peguam.

Faten Hadni memohon mahkamah agar menjatuhkan hukuman berat sebagai pengajaran kepada lelaki itu kerana telah menyebarkan berita palsu yang boleh menyebabkan rakyat hilang kepercayaan kepada kerajaan dan Majlis Raja-Raja.

Hukuman yang tinggi bukan sekadar pengajaran kepada orang kena saman (OKS) tetapi juga

masyarakat di luar sana, agar tahu bahawa penyebaran berita palsu amat dibenci, harus ditegah dan dihentikan.

"Selepas OKS muat naik kandungan ini, ia tersebar secara meluas melalui aplikasi Whatsapp. Jadi saya mohon suatu hukuman yang menunjukkan betapa serius kesalahan ini agar orang awam lebih berhati-hati dan tidak melakukan kesalahan sama," katanya.

Hakim Ahmad Fuad Othman kemudiannya menjatuhkan hukuman denda RM30,000 terhadap tertuduh dan enam bulan jika gagal membayar denda.

Terdahulu, hakim turut menasihatkan Johari yang merupakan bapa kepada empat anak agar menyedari lebih awal tentang kesan hantaran berkenaan kerana tindakan tersebut bukan sahaja menimbulkan kebencian kepada kerajaan malah masyarakat turut memandang rendah terhadap institusi diraja. - *Bernama*

Naratif Kito

Duhai bangsaku, cukup-cukuplah dipermainkan

Ketua Editor:

Ahmad Shahir Mohd Shah

Setiausaha Akhbar YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

Melayu itu bangsa hebat. Bukan bangsa pendatang. Bangsa yang suka hidup aman damai, sederhana, santun dan tinggi budi bahasa. Hidup penuh adat. Adat digenggam turun temurun bergenerasi. Hidup dengan bersultan. Sultan berjiwa rakyat dijulang, sultan durjana dilawan. Itulah bangsa Melayu. Kisah Tuah dan Jebat walaupun hikayat, tetapi ia berjaya membongkar siapa Melayu yang hebat.

Pasca Tanah Melayu merdeka, Melayu terus begitu. Yang diangkat duduk di tampuk kuasa, ada yang penuh pedoman, ada yang hilang arah tujuan dan hanyut dalam kuasa dan kemewahan. Enam dekad Tanah Melayu ini melihat pembangunan. Bangunan naik mencakar langit. Tapi jiwa dan akal Melayunya tetap begitu.

Ada yang menghina Melayu, katanya Melayu mudah lupa. Ada yang mengatakan Melayu itu malas. Ada yang kata Melayu itu suka berseronok biar pun gajinya sedikit tetapi sanggup penat berhutang sepanjang hidup bahkan jatuh berketurunan.

Bangsa yang mendatang sibuk mengumpul rezeki. Biar sedikit kerana sedar ini bukan tanah asal mereka. Hari ini, generasi cucu cicit mereka sedang menikmati hasil usaha gigih datuk nenek moyang mereka yang dahulu hanya sanggup berkotor dan berlapar demi anak cucu mereka.

Sekarang Melayu mahu bagaimana? Mahu kekal dipergunakan? Bukan sedikit yang begitu. Sebab apabila ada isu, Melayu seolah-olah rasa ditindas. Tengok sahaja isu Bazar Ramadan. Bila penguatkuasa buat tindakan, mudah sahaja mereka kata "Melayu ditindas di bumi sendiri". Apakah Melayu kita hanya sekadar itu? Dari Sultan, Perdana Menteri sampailah ke kerani di jabatan kerajaan, semuanya majoriti Melayu.

Sebab itu, ada pihak hari ini akan guna sentimen perkauman khususnya untuk orang Melayu. Melayu tertindas. Melayu dipinggirkan dan yang paling sensitif Islam diancam. Hakikatnya yang menindas diri sendiri ialah Melayu. Yang merosak bangsa Melayu adalah Melayu. Ini semua hasil jajahan British yang sentiasa meninggalkan kesan jangka panjang yang membuatkan Melayu kekal layu. Komunis?

Jika kisah tragis dan kekejaman komunis di Tanah Melayu itu dijadikan modal membenci orang Cina, ketahuilah, China yang mengaku Komunis pun sudah bukan komunis asli. Saya anak Melayu dan saya tidak sanggup bangsa Melayu terus dilayukan. Ayuh Bangsaku!



Aminuddin puas hati prestasi Exco Kerajaan Negeri Sembilan

SEREMBAN: Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Aminuddin Harun berpuas hati dengan prestasi 10 barisan Exco Kerajaan Negeri.

"Saya nampak ok sahaja. Cuma ada satu dua Exco baharu. Tapi bagi saya, semua faham tentang tanggungjawab.

"Mungkin tahun pertama itu ada kekurangan sedikit. Tapi dah masuk tahun kedua ini, saya nampak banyak peningkatan.

"Saya berpuas hati dengan prestasi Exco saya," kata Aminuddin.

Menjawab pertanyaan wartawan, Aminuddin berkata, beliau tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membuat rombakan barisan Exco seperti mana

dilakukan oleh beberapa negeri lain.

"Kalau kita tukar selalu pun, Exco itu tak boleh merancang.

"Jadi, saya rasa biar dia teruskan.

"Cuma teguran-teguran itu, kadangkala saya sampaikan juga dan ada masya program itu saya tegur secara terus dan nampak tambah baik itu ada.

"Tak semestinya kita terus tukar.

"Terpulanglah, itu pentadbiran masing-masing.

"Tak semestinya saya kena ikut cara orang," katanya.



Peniaga jangan ambil kesempatan naik harga santan



SEREMBAN: Golongan peniaga dinasihatkan tidak mengambil kesempatan menaikkan harga jualan santan ekoran peningkatan harga kelapa ketika ini.

Exco (Kanan) Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup, Dato' Seri Jalaluddin Alias berkata, peningkatan harga bahan mentah itu disebabkan faktor kekurangan bekalan.

"Kelapa ini berasaskan kepada keadaan dan suasana.

"Ada ketika waktu kelapa ini mengalami kekurangan bekalan dan itu yang mengakibatkan harga meningkat ber-

dasarkan kepada permintaan.

"Tapi keadaan ini akan stabil apabila sampai waktunya nanti.

"Ia tidak akan berterusan dan memberi kesan banyak kepada peniaga.

"Cumanya kita harap bila kenaikan berlaku sekarang, peniaga tidak ambil kesempatan untuk naikan harga jualan," katanya.

Jalaluddin berkata demikian pada Sidang Media Pasca Mesyuarat Exco di Wisma Negeri.

Tanah perkuburan Islam dan bukan Islam mencukupi di Negeri Sembilan



SEREMBAN: Negeri Sembilan tidak menghadapi isu kekurangan tanah perkuburan; baik untuk orang Islam, mahu pun orang Bukan Islam.

Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, tiada sebarang masalah berhubung kekurangan tanah perkuburan Islam di negeri ini.

"Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri melihat ada keperluan untuk membuka tanah perkuburan bukan Islam yang baharu pada masa akan datang.

"Dalam mesyuarat Exco baru-baru ini, kita ada bincang untuk pastikan kawasan-kawasan baharu yang harus diberi perhatian.

"Masyarakat Islam kita sedia maklum ada tanah perkuburan Islam telah diwartakan sebagai tanah perkuburan Islam di Seremban dan Nilai.

"Kita juga melihat ada beberapa kawasan untuk bukan Islam yang juga akan kita wartakan sebagai tanah perkuburan

bukan Islam," jelas Aminuddin semasa Sidang Media Pasca Mesyuarat Exco.

Aminuddin berkata, sebagai langkah jangka masa panjang dan bagi mengelakkan isu kekurangan tanah perkuburan pada masa akan datang, Majlis Bandaraya Seremban telah menyediakan sebuah tabung khas bagi pembelian tanah untuk tujuan mewujudkan tanah perkuburan.

"Setiap individu yang membeli hartanah di Seremban, mereka akan bayar RM1,000 kepada tabung khas tersebut.

"Tabung khas itu disediakan bagi memastikan Majlis Bandaraya Seremban membeli tanah untuk dijadikan sebagai tanah perkuburan Islam dan bukan Islam pada masa akan datang.

"Kerana itu kita lihat hari ini tanah-tanah perkuburan di Seremban diuruskan oleh Majlis Bandaraya Seremban," kata Aminuddin.



Malaysia-Türkiye yakin lonjakan perdagangan dan pelaburan melebihi RM44 bilion

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim menyatakan keyakinan terhadap potensi besar Malaysia dan Türkiye dalam melonjakkan perdagangan dan pelaburan melebihi AS\$10 bilion (RM44 bilion) dengan memperluas kerjasama dalam sektor semikonduktor, agro komoditi, elektronik, makanan dan minuman, serta pertahanan.

Anwar memaklumkan kemajuan yang dicapai dalam hubungan dua hala Malaysia-Türkiye hasil lawatan Presiden Türkiye, Recep Tayyip Erdoğan ke Malaysia, terutama menerusi pembentukan Majlis Kerjasama Strategik Peringkat Tinggi (HLSC).

"Presiden Erdoğan turut menzahirkan kepercayaan terhadap Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dalam menguruskan Lapangan Terbang Sabiha



ditandingi oleh mana-mana negara," kata beliau.

Dalam pada itu, Anwar turut tegaskan bahawa Malaysia akan terus lantang menuntut penyelesaian adil buat rakyat Palestin.

"Akar permasalahan yakni penjajahan berterusan dan perampasan tanah dan pencabulan hak kemanusiaan rakyat Palestin mesti ditangani dengan tuntas.

"Terdahulu, saya dan Presiden Erdoğan menyaksikan pertukaran 11 memorandum persefahaman MoU antara kedua-dua negara, antaranya terkait kerjasama dalam bidang tenaga, pengurusan bencana dan kecemasan, penyelidikan saintifik, pertahanan dan keselamatan.

"Saya dan Presiden Erdoğan turut menyaksikan replika Multi-Purpose Mission Ship (MPMS) yang menjadi antara subjek utama dalam pertukaran MoU hari ini.

"Alhamdulillah, kunjungan Presiden Erdoğan serta perbinangan yang berteraskan rasa hormat dan saling percaya antara delegasi telah memperkukuh persahabatan dan hubungan strategik Malaysia-Türkiye demi manfaat rakyat kedua-dua negara," jelas Anwar.



Gökçen di Istanbul, dan Insha Allah kerjasama ini akan terus diperkukuh dan dipererat.

"Menyentuh peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN ketika ini, saya akan mencadangkan kepada sahabat-sahabat ASEAN agar Türkiye dipertimbangkan sebagai Rakan Dialog, sejajar dengan peranan Türkiye yang kian signifikan di rantau ini dan

bakal memperluas ruang kerjasama terkait aspek keamanan dan kestabilan.

"Dalam isu Palestin, saya percaya Malaysia dan negara-negara lain harus meneladani kepimpinan luar biasa yang dipamerkan Türkiye dengan menghantar lebih 100 kapal bantuan kemanusiaan.

"Ini satu usaha yang tidak



29 buah masjid dan surau terima sumbangan kewangan berjumlah RM93,000

SIKAMAT: Sebanyak tiga buah masjid menerima sumbangan kewangan sebanyak RM5,000 dan 26 buah surau di sekitar DUN Sikamat terima RM3,000 daripada Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun.

Aminuddin berkata, sumbangan berjumlah RM93,000 yang diberikan ini adalah bersempena kedatangan bulan Ramadan.

"Dalam pada itu, seramai 13 orang pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) turut menerima sumbangan Bantuan IPT.

"Serta 19 orang belia baru berkahwin juga menerima sumbangan kewangan melalui inisiatif Belia Kahwin Negeri Sembilan.

"Saya berharap sumbangan yang diberikan ini dapat membantu meringankan beban di samping memudahkan segala urusan mereka," kata Aminuddin.

Sumbangan tersebut diserahkan di Kediaman Rasmi beliau seurus tamat Usrah Bulanan yang dibimbing oleh Dato' Dr. Yusof Mujahid Rawa.



Bazar Ramadan akan disita jika guna pekerja asing - Arul



SEREMBAN: Peniaga Bazar Ramadan yang didapati menggunakan warga asing sebagai pekerja akan disita serta-merta kata Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan, J. Arul Kumar.

"Pemegang lesen juga akan disenarai hitam dan tidak dibenar lagi memohon menjaja di mana-mana Bazar Ramadan.

"Pihak berkuasa juga tidak akan teragak-agak untuk melakukan sitaan serta-merta andai syarat tersebut tidak dipatuhi," kata Arul Kumar.

Arul Kumar memberi kenyataan tersebut sebagai maklum balas terhadap beberapa pen-

ganjur tahun lepas yang membenarkan warga asing berniaga di Bazar Ramadan.

Arul Kumar turut tambah bahawa Bazar Ramadan adalah satu usaha bagi menjana pendapatan tambahan dan tidak harus dijadikan 'untung atas angin' dengan memberi sewaan kepada orang lain.

"Mereka yang memohon gerai di Bazar Ramadan sahaja dibenarkan berniaga di sana.

"Jangan pandai-pandai mohon dengan penganjur dan selepas itu jual tapak dengan harga yang lebih tinggi," tambah Arul Kumar.

Larangan penggunaan beg plastik sekali guna, polisterina serta penggunaan penyedut

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan telah melaksana larangan penggunaan beg plastik sekali guna, polisterina serta penggunaan penyedut minuman (hanya) atas permintaan & bekas makanan LUTSINAR di seluruh Negeri Sembilan sejak 5 Oktober 2022.

Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan, Veerapan Superamiam berkata, langkah ini diambil sebagai usaha serius Kerajaan Negeri untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh penggunaan plastik yang sukar dilupuskan.

"Latar belakang ini berakar umbi dari keperluan untuk menangani isu pencemaran plastik yang semakin kritikal.

"Plastik sekali guna seperti beg plastik, bekas makanan polisterina dan penyedut minuman tidak hanya mencemarkan alam sekitar tetapi juga mengambil masa beratus-ratus tahun untuk terurai.

"Pencemaran plastik ini telah memberi kesan negatif kepa-



da ekosistem kita, mengancam hidupan liar serta mencemarkan tanah dan sumber air.

"Oleh itu, setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah diarahkan untuk mengadakan kempen kesedaran dan memasukkan larangan ini dalam syarat permohonan lesen serta penguatkuasaan ber-

mula 1 Mei 2023," kata beliau.

Menurut Veerapan, larangan ini turut merangkumi penggunaan plastik lutsinar atau bekas makanan, kotak makanan tengahari (transparent lunch box) serta semua jenis beg plastik yang lain melainkan yang disarankan oleh Kerajaan Negeri Sembilan.

"Langkah ini juga bertujuan untuk menggalakkan penggunaan plastik biodegradasi yang mudah terurai (biodegradable and compostable) serta beg jenis kertas/kain dan jaring.

"Usahawan yang dipilih dalam program NS choice juga membekalkan produk-produk biodegradable, peniaga boleh mendapatkan bekalan ini daripada usahawan NS choice," jelas Veerapan lagi.

Veerapan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Repah berkata, Kerajaan Negeri Sembilan menggalakkan dan mengutamakan produk NS choice.

"Kerajaan Negeri juga menegaskan bahawa tiada caj tambahan boleh dikenakan kepada pelanggan atas penyediaan atau pemberian beg plastik jenis biodegradasi ini.

"Saranan ini diambil untuk menggalakkan peniaga dan masyarakat berhenti menggunakan beg plastik sekali guna serta beralih kepada bahan yang lebih mesra alam.

"Sehubungan itu, semua Pihak

Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Sembilan diarahkan untuk menguatkuasakan larangan ini kepada semua penganjur Bazar Ramadhan 2025 sebagai syarat kelulusan lesen penganjuran.

"Pihak PBT juga perlu mengadakan pemantauan secara berkala untuk memastikan pematuhan terhadap larangan ini dan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang melanggar syarat ini, termasuk mengenakan kompaun," ujarnya.

Veerapan berharap semua peniaga akan melaksanakan arahan ini demi meningkatkan kelestarian alam dan kesejahteraan masyarakat di Negeri Sembilan.

"Dengan penguatkuasaan larangan ini, Kerajaan Negeri Sembilan berharap dapat memberikan impak positif dalam usaha memelihara dan memulihkan alam sekitar, serta membentuk masyarakat yang lebih bertanggungjawab terhadap penggunaan bahan yang memudaratkan ekosistem kita," kata Veerapan.

Sebuah lagi masjid baharu berjaya disiapkan



BUKIT KEPAYANG: Sebuah lagi masjid baharu di Negeri Sembilan berjaya disiapkan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, masjid tersebut bertempat di Taman Bukit Kepayang.

"Ia mampu memuatkan 360 jemaah dalam satu-satu masa dan menelan belanja sebanyak RM3.79 juta.

"Tahniah juga diucapkan kepada pihak kontraktor iaitu Perintis Jingga Sdn Bhd yang berjaya menyiapkan projek ini awal daripada tarikh jangkakan.

"Dengan siapnya masjid ini, saya berharap ia mampu dijadikan magnet untuk menarik masyarakat Islam serta bukan Islam untuk mencari ilmu berkaitan Islam," kata Aminuddin.



Agrobank buka cawangan di Bukit Pelanduk



CHUAH: Masyarakat di sekitar Bukit Pelanduk kini boleh menikmati kemudahan perbankan apabila Agrobank membuka cawangan mereka di kawasan itu.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, penubuhan rangkaian fizikal tersebut dapat membantu masyarakat luar bandar mendapat akses perbankan.

"Perkhidmatan perbankan ini juga dapat menyokong dan merencanakan lagi aktiviti kira-kira 20,000 penduduk di sini.

"Selain itu, ia juga dapat menjadi pusat bagi memperkasakan komuniti pertanian melalui perkhidmatan nasihat untuk produk pembiayaan runcit dan mikro.

74 unit Rumah Mampu Milik Taman Arowana selesai diundi

LENGGENG: Sebanyak 74 unit Rumah Mampu Milik di Taman Arowana, Lenggeng telah selesai diundi.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin harun berkata, 74 unit tersebut adalah RMM Type A yang berharga RM110,000.

"Sebanyak 605 permohonan diterima, namun hanya 108 orang sahaja yang melepasi syarat ditetapkan.

"Projek perumahan ini telah berada di peringkat 100 peratus bagi pembinaan bangunan dan 90 peratus bagi kerja-kerja

infrastruktur.

"Rumah ini dijangka akan boleh diduduki pada Mei ini.

"Tahniah kepada mereka yang terpilih untuk memiliki rumah ini," kata Aminuddin.

Aminuddin turut tambah bahawa Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk menyediakan kemudahan perumahan kepada setiap lapisan masyarakat yang memerlukan.

Aminuddin berkata demikian di Majlis Pengundian Rumah Mampu Milik Type A Taman Arowana, Lenggeng.



Projek Transformasi Usahawan Luar Bandar di Jelebu berjalan lancar

JELERU: Pengarah Bahagian Infrastruktur Komersial MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) telah mengadakan lawatan kerja ke tapak Bazar MARA Simpang Gelami, Simpang Durian dan Simpang Pertang.

Turut serta semasa sesi lawatan agensi tersebut adalah Pengarah MARA Negeri Sembilan, Pegawai MARA Daerah Jejebu dan delegasi.

Tujuan lawatan ini adalah bagi memantau dan memastikan Projek Transformasi Usahawan Luar Bandar (TRENT) di Bazar Simpang Gelami, Simpang Durian dan Simpang Pertang berjalan dengan lancar.

Ini merupakan salah satu usaha Ahli Parlimen Jejebu, Dato' Seri Jalaluddin Alias, yang ingin melihat ekonomi masyarakat setempat dapat diberi sentuhan yang lebih rancak dengan adanya Bazar MARA ini.

Beliau seringkali sebutkan bahawa, usaha ini bakal menjadikan perkembangan ekonomi masyarakat di kawasan sekitar meningkat maju berbanding sebelumnya.

Selaku Ahli Parlimen Jejebu dan EXCO Kanan Kerajaan Negeri Sembilan, beliau sentiasa memantau dan memastikan pihak agensi pelaksana dapat merealisasikan idea ini dengan baik dan pantas.





Kerjasama Negeri Sembilan - Riau dalam pelancongan kesihatan

PEKANBARU: Kerajaan Negeri Sembilan telah menganjurkan sesi Business to Business (B2B) bersama pemegang taruh di Provinsi Riau, Indonesia.

Exco Kesihatan, Perpaduan, Penerangan, Integrasi Nasional dan NGO, Dato' Tengku Zamrah Tengku Sulaiman, perkembangan ini mencatat sejarah baharu dalam pelancongan kesihatan Negeri Sembilan.

"Program yang berlangsung di Pekanbaru ini mendapat sambutan luar biasa daripada persatuan, syarikat insurans, klinik kesihatan, dan pelbagai pihak berkepentingan.

"Kerjasama ini dijangka memperkukuh hubungan antara kedua-dua wilayah serta meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti.

"Dengan sokongan semua pihak, inisiatif ini diharap membawa manfaat besar kepada

masyarakat dan membuka lebih banyak peluang kerjasama di masa hadapan.

"Sudah pasti inisiatif ini juga akan menjana ekonomi untuk Negeri Sembilan," kata Tengku Zamrah.

Dalam pada itu, Tengku Zamrah juga telah mempengerusikan mesyuarat santai bersama hospital-hospital swasta dan delegasi bagi mendapatkan input hasil daripada dialog hari pertama.

"Alhamdulillah, kunjungan hormat delegasi Pelancongan Kesihatan Negeri Sembilan turut mendapat maklum balas positif daripada Pejabat Konsulat Malaysia di Pekanbaru serta Lembaga Adat Melayu Riau (LAMR)," ujarnya.

Terlebih dahulu Tengku Zamrah telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Konsul Malaysia di Pekanbaru, Mohammed Hosnie Shahiran Ismail.





Perjanjian Kolektif SAINS dan KPPSAINS lambang keseimbangan kepentingan majikan dan pekerja

SEREMBAN: Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun telah menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Kolektif Kedua di antara Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) dan Kesatuan Pekerja-Pekerja SAINS (KPPSAINS) di Kлана Resort, Seremban.

CEO SAINS, Mohd Yazid Ahmad dalam ucapan beliau berkata, perjanjian kolektif ini bukan sekadar dokumen, tetapi ia melambangkan kesepakatan, persefahaman dan keseimbangan kepentingan antara majikan dan pekerja dalam memastikan kesejahteraan tenaga kerja serta kelangsungan operasi syarikat.

"Rundingan yang telah kita lalui mencerminkan komitmen kedua-dua pihak dalam menca-



pai persetujuan yang adil, telus, dan memberi manfaat kepada semua.

"Sebagai organisasi yang mengutamakan kualiti perkhidmatan dan kecekapan operasi, SAINS sentiasa menitikberatkan

kebijakan pekerja," ujarnya.

Mohd Yazid tambah, kejayaan menandatangani Perjanjian Kolektif Kedua ini membuktikan bahawa keharmonian industri dapat dicapai melalui komunikasi yang terbuka, kepercayaan dan semangat kerjasama yang kukuh antara Kesatuan dan pengurusan syarikat.

"Dengan termeterainya perjanjian ini, saya berharap kita semua akan terus mengukuhkan hubungan kerja yang harmoni dan produktif.

"Pekerja yang sejahtera dan dihargai pasti akan memberi impak positif kepada peningkatan prestasi syarikat, mutu perkhidmatan dan kepuasan pelanggan.

"Oleh itu, marilah kita bersa-

ma-sama melangkah ke hadapan dengan penuh semangat, profesionalisme, dan komitmen demi masa depan SAINS yang lebih cemerlang," kata Mohd Yazid.

Turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan merangkap Ahli Lembaga Pengarah SAINS, Dato' Mohd Zafir Ibrahim; Penasihat Undang-undang Negeri merangkap Ahli Lembaga Pengarah SAINS, Dato' Muzalmah Mustapha Kamal; Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPP), Khalid Jali; Timbalan Presiden Malaysian Trades Union Congress (MTUC), Dato' Mohamed Dauzkapli Nor Dato' Ghazali dan Tc.Racidi Ghazali, Presiden KPPSAINS.

Cha cadang syarikat konsesi tanggung 50 peratus kos tol percuma



KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Rasah, Cha Kee Chin mencadangkan syarikat konsesi lebuhraya menanggung 50 peratus kos tol percuma ketika musim perayaan utama.

Cha berkata, beliau menyokong Kerajaan MADANI yang memberikan tol percuma selama dua hari setiap kali perayaan utama di seluruh negara, kecuali di sempadan negara pada tahun lepas.

"Ia satu langkah yang sangat baik sebab misal kata ketika sambutan Tahun Baru Cina, tol percuma bukan diberikan kepada kaum Cina sahaja tetapi semua rakyat Malaysia yang menggunakan lebuhraya mendapat manfaat tersebut.

"Tetapi pada tahun ini, tiada tol percuma tetapi diskaun tol 50 peratus kepada pengguna lebuhraya.

"Saya difahamkan apabila tol percuma diberikan selama dua hari, ia melibatkan

kos sebanyak RM40 juta.

"RM40 juta ini bukan untuk satu organisasi atau satu pihak tetapi untuk jutaan rakyat Malaysia," jelas beliau.

Cha berkata, kos yang dibelanjakan ini sangat berbaloi dan kaedah tol percuma wajar diteruskan

"Sekiranya kerajaan kekal dengan kaedah masa kini iaitu diskaun tol sebanyak 50 peratus, apa kata kos selebihnya sebanyak 50 peratus itu pula ditanggung oleh syarikat konsesi.

"Sebab syarikat konsesi lebuhraya ini sudah menikmati keuntungan yang banyak.

"Sudah tiba masanya syarikat konsesi lebuhraya menggunakan CSR mereka untuk bantu rakyat Malaysia ketika musim perayaan utama," kata Cha semasa sesi perbahasan di Persidangan Dewan Rakyat di Parlimen.

Jadual dan laluan BasMy bagi Daerah Jelebu

Perkhidmatan BasMy bertujuan untuk menghubungkan kawasan bandar dan luar bandar dengan lebih efisien melalui jadual masa yang telah ditetapkan agar dapat membantu penduduk setempat supaya lebih mudah berulang-alik ke tempat kerja, sekolah dan pelbagai lokasi lain.

Kemudahan pengangkutan awam yang baik dapat meningkatkan produktiviti dan taraf hidup penduduk. Berikut adalah jadual dan laluan BasMy bagi daerah Jelebu.

BASMY
TENTANG BASMY

Perkhidmatan BasMy adalah perkhidmatan pengangkutan awam yang disediakan oleh Negeri Kita untuk membantu penduduk setempat yang tinggal di kawasan luar bandar untuk berulang-alik ke bandar dengan lebih mudah dan efisien.

Perkhidmatan BasMy ini disediakan oleh Negeri Kita melalui kerjasama dengan Gopi Travels Tour Sdn Bhd. BasMy beroperasi pada hari Isnin hingga Ahad, dengan jadual masa yang telah ditetapkan.

Kad Konsesi & Kad 30 Hari BASmy

Perkhidmatan BasMy ini menawarkan Program GBT yang dikawal selia oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (KEMAJ) dan Negeri Kita. Untuk maklumat lanjut mengenai Program GBT ini, sila hubungi Negeri Kita di talian 03-70707071 atau melalui laman web Negeri Kita di www.negerikita.org.

Kad 30 hari ini hanya sah untuk digunakan pada hari Isnin hingga Ahad dengan kadar bayaran RM100 sahaja. Untuk maklumat lanjut mengenai Program GBT ini, sila hubungi Negeri Kita di talian 03-70707071 atau melalui laman web Negeri Kita di www.negerikita.org.

MYBUS N70: Terminal 1 - Kuala Klawang / Titi
GOPI TRAVELS TOUR SDN BHD
ISNIN SEHINGGA AHAD

Terminal 1 - Kuala Klawang / Titi
Terminal 1 - Titi / Kuala Klawang

No Trip	Waktu Berlepas
1	06:00
2	07:00
3	08:00
4	09:00
5	10:00
6	11:00
7	12:00
8	13:00
9	14:00
10	15:00
11	16:00
12	17:00
13	18:00
14	19:00
15	20:00
16	21:00

BASMY
GOPI TRAVELS TOURS SDN BHD
ISNIN SEHINGGA AHAD

No Trip	Waktu berlepas (Simpang Pelangai - Batu Kikir)	Waktu Berlepas (Batu Kikir - Simpang Pelangai)
1	07:00	09:30
2	07:30	10:00
3	11:30	13:30
4	12:00	14:00
5	15:30	-

GOPI TRAVELS TOUR SDN BHD
ISNIN SEHINGGA AHAD

No Trip	Waktu berlepas (Kuala Klawang - Kampung Chennah)	Waktu Berlepas (Kampung Chennah - Kuala Klawang)
1	07:30	06:00
2	08:00	06:30
3	13:00	09:00
4	13:30	12:00
5	17:30	15:00
6	18:00	15:30

Simpang Pertang - Kuala Klawang
GOPI TRAVELS TOUR SDN BHD
ISNIN SEHINGGA AHAD

No Trip	Waktu berlepas (Simpang Pertang - Kuala Klawang)	Waktu Berlepas (Kuala Klawang - Simpang Pertang)
1	07:00	08:30
2	08:30	10:00
3	10:00	11:30
4	11:30	13:00
5	13:00	14:30
6	14:30	16:00
7	16:00	17:30
8	17:30	19:00

Negeri Sembilan kukuhkan **kemampuan ekonomi** demi kesejahteraan rakyat



JALALUDIN MUSA
Menteri Besar Negeri Sembilan

NEGERI Sembilan terus mengorak langkah dalam memperkukuh kemampuan ekonomi melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik yang menyokong pertumbuhan mampan dan inklusif.

Perancangan ini selaras dengan Dasar Negeri Sembilan Maju 2045, yang menekankan pembangunan ekonomi yang seimbang, kesejahteraan rakyat, serta pemerkasaan sektor utama bagi memastikan negeri ini kekal kompetitif dalam menghadapi cabaran global.

Kerajaan Negeri mengambil pendekatan holistik dalam pembangunan ekonomi, termasuk memperkukuh sektor perindustrian, teknologi, pelancongan, serta memperkasakan usahawan tempatan.

Usaha ini bertujuan untuk memastikan kemakmuran ekonomi dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat, tanpa mengira latar belakang atau lokasi.

Belanjawan 2025: Fokus kepada Kemampuan Ekonomi

Dalam Belanjawan Negeri Sembilan 2025, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM590 juta bagi pembangunan ekonomi dan sosial, dengan RM135 juta khusus untuk memperkasakan ekonomi rakyat.

Pelbagai inisiatif diperkenalkan dan diteruskan bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat serta merencanakan aktiviti ekonomi.

Antara program utama yang mendapat perhatian termasuk:

Jualan Nismilan Prihatin – Menawarkan barangan keperluan asas pada harga berpatutan bagi membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup.

Tabung Pembangunan Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) – Menyediakan dana kepada usahawan kecil dan sederhana untuk mengembangkan perniagaan mereka.

NS Choice – Program pemerkasaan usahawan tempatan bagi memperkukuh daya saing perniagaan mereka.

Karnival Kerjaya dan Kesejahteraan Pekerja – Inisiatif memperluaskan peluang pekerjaan dan latihan kemahiran kepada rakyat negeri ini.

Selain itu, tumpuan turut diberikan kepada penggunaan teknologi moden dalam sektor perindustrian dan pertanian bagi meningkatkan daya saing serta kecekapan pengeluaran dalam negeri.

Malaysia Vision Valley 2.0: Pemacu Ekonomi Negeri Sembilan



Sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan jangka panjang, projek Malaysia Vision Valley (MVV) 2.0 menjadi pemangkin utama pertumbuhan ekonomi Negeri Sembilan dengan menumpukan kepada sektor berteknologi tinggi seperti aeroangkasa, semikonduktor, dan industri hijau.

Projek ini dijangka mewujudkan lebih 600,000 peluang pekerjaan, menyumbang sehingga 15 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dan menarik lebih banyak pelaburan asing dalam sektor strategik yang berimpak tinggi.

Pembangunan MVV 2.0 bukan sahaja memberi lonjakan kepada pertumbuhan ekonomi negeri tetapi juga membuka lebih banyak ruang kepada rakyat untuk menikmati manfaat pembangunan dalam jangka panjang.

IKS, digitalisasi dan pelancongan sebagai sumber ekonomi baharu

Kerajaan negeri juga memberi tumpuan kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sebagai tulang belakang ekonomi dengan:

Menyediakan program latihan, pembiayaan, dan insentif kepada usahawan tempatan.

Menggalakkan penggunaan e-dagang dan pendigitalan bagi memperluaskan pasaran tempatan dan antarabangsa.

Meningkatkan kerjasama dengan sektor swasta bagi memperkukuh ekosistem perniagaan yang lebih mampan.

Selain itu, sektor pelancongan turut diperkasakan sebagai sumber ekonomi baharu.

Negeri Sembilan kaya dengan warisan budaya, lokasi ekopelancongan, serta destinasi pelancongan menarik yang mampu menjana pendapatan tinggi kepada negeri dan masyarakat setempat.

Infrastruktur dan modal insan diperkukuh

Pelaburan dalam pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, pelabuhan, sistem pengangkutan awam, dan logistik terus diperkasa bagi merangsang aktiviti ekonomi dan meningkatkan daya saing negeri.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memberi perhatian kepada pembangunan modal insan melalui program pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) bagi memastikan rakyat memiliki kemahiran yang relevan dalam memenuhi permintaan industri.

Peningkatan kemahiran tenaga kerja melalui pendidikan dan latihan secara berterusan merupakan kunci utama kepada kemampuan ekonomi jangka panjang.

Pembangunan luar bandar dan kelestarian alam sekitar

Kerajaan Negeri turut komited dalam usaha memperkasa pembangunan luar bandar dengan menyediakan infrastruktur asas yang lebih baik serta memperluaskan akses kepada peluang ekonomi.

Dalam masa yang sama, aspek kelestarian alam sekitar tidak diabaikan. Negeri Sembilan berusaha menerapkan amalan mesra alam dalam pembangunan ekonomi bagi memastikan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan pemeliharaan sumber semula jadi.

Kerjasama sektor awam dan swasta bagi memacu ekonomi

Kemampuan ekonomi Negeri Sembilan tidak boleh dicapai tanpa kerjasama erat antara kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat. Oleh itu, beberapa langkah utama telah diambil termasuk:

Menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam industri berimpak tinggi.

Menggunakan data dan analisis ekonomi bagi merangka dasar yang lebih tepat dan berkesan.

Memperkukuh program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi membantu golongan memerlukan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Kebergantungan kepada satu sektor sahaja tidak mencukupi untuk menjamin kestabilan ekonomi.

Oleh itu, Kerajaan Negeri terus memperluaskan sumber ekonomi agar pembangunan dapat dijalankan secara berterusan dan mampan untuk generasi akan datang.

Negeri Sembilan Sebagai Model Ekonomi Mampan

Melalui dasar yang tersusun, perancangan yang strategik, serta kerjasama erat antara semua pihak, Negeri Sembilan berpotensi untuk menjadi model pembangunan ekonomi mampan di Malaysia.

Kerajaan Negeri terus komited untuk memastikan setiap rakyat mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi, sekaligus membentuk sebuah negeri yang seimbang dari segi kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial.



Indeks persepsi rasuah: Fokus Kumpulan Sasar kunci kejayaan



**SARFARIZMAL
MD SAAD**
Pegawai Khas Media E-ko Kanser
Komisioner Negeri Sabah

Nama Dato' Seri Anwar Ibrahim mula timbul dalam cerita rakyat di negara ini hasil daripada perjuangan beliau dalam menoktahkan kebobrokan amalan rasuah di pelbagai peringkat.

Perkara ini tidak boleh dinafikan kerana telah terbukti bahawa sosok tubuh Anwar Ibrahim itu mula dikenali kerana istiqomah dalam memperjuangkan perkara tersebut.

Sekarang ini beliau telah menjadi Perdana Menteri Malaysia, sebuah kedudukan yang menjadi cita-cita beliau sejak sekian lama.

Aspirasinya adalah untuk menghindarkan salah laku rasuah terutama dalam kalangan pemimpin negara.

Soal beliau mampu atau tidak itu biarlah jurang masa akan perlihatkan kepada kita semua.

Namun yang menjadi topik utama sekarang adalah negara kita Malaysia sudah berada di persimpangan terpenting.

Kedudukan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) akan menjadi cerminan sejauh mana Malaysia berjaya menguruskan amanah, kepercayaan rakyat dan keyakinan para pelabur.

Bukan sekadar angka semata-mata, skor CPI merupakan reputasi kita di mata dunia.

Ia membentuk kepada lambang keberanian dan kejujuran sebuah pentadbiran negara.

Mengimbas kembali, pada 11 September 2023 yang lalu, Perdana Menteri telah menetapkan sasaran nasional bahawa pada tahun 2033 nanti, Malaysia harus mencapai kedudukan di tangga ke 25 teratas dalam skor CPI dunia.

Ini adalah sasaran nasional yang menjadi hala tuju kita semua, bermula dari ahli politik, penjawat awam dan orang perseorangan yang bergelar warganegara.

Misi ini dikenali sebagai #25CPI yang hanya berbaki beberapa tahun sahaja lagi.

Semasa Perdana Menteri meletakkan sasaran itu, tempoh 10 tahun adalah suatu julat masa yang mencabar tetapi boleh dilakukan dengan penuh bergaya.

Ini adalah 'workable target' yang telah difikirkan sesuai oleh Anwar Ibrahim bagi 'menyucikan' Malaysia ini daripada najis rasuah yang telah lama membelenggu masyarakat kita di pelbagai peringkat



dan jalur.

Namun demikian, realiti semasa memerlukan tindakan yang luar biasa dari pelbagai pihak.

Isu ketirisan dana awam, kelemahan penguatkuasaan dan persepsi rasuah yang kian menular masih menjadi penghalang kepada kemajuan kita.

Semua ini kita harus akui dan jangan lagi bersifat 'sindrom penafian'.

Prestasi dan persepsi rasuah

Prestasi dalam konteks CPI merujuk kepada tindakan konkrit yang diambil pihak kerajaan untuk membanteras rasuah, termasuk pelaksanaan dasar yang berkesan, penguatkuasaan undang-undang dan pengurusan pentadbiran yang cekap dan telus.

Langkah seperti memperkenalkan sistem berteraskan digital dalam amalan perolehan kerajaan, menjalankan audit khas terhadap dana awam dan memperkuatkan institusi penguatkuasaan, adalah cerminan komitmen kerajaan untuk menangani isu rasuah secara berstruktur dan bersungguh-sungguh.

Prestasi ini adalah asas kepada integriti pentadbiran yang dapat dinilai melalui data dan impak langsung kepada rakyat di negara kita.

Sebaliknya, persepsi dalam CPI pula mencerminkan bagaimana rakyat, pelabur dan komuniti antarabangsa melihat keberkesanan usaha kerajaan dalam melawan rasuah ini.

Suka atau tidak, kita harus akui bahawa persepsi ini sering dipengaruhi oleh laporan pihak media, pengalaman yang dialami masyarakat dalam berurusan dengan institusi kerajaan, serta naratif umum mengenai ketelusan dan akauntabiliti.

Walaupun prestasi sebenar kerajaan mungkin menunjukkan peningkatan, persepsi boleh terus kekal negatif sekiranya usaha dan pencapaian tidak

dikomunikasikan dengan baik.

Maka fahamlah kita bahawa, mengurus dan memperkasa prestasi serta pencerahan dan pengharmonian persepsi melalui komunikasi strategik dan tindakan adalah kunci untuk membina kefahaman dan keyakinan rakyat.

Ia juga akan melonjak kedudukan Malaysia dalam CPI ke tangga yang disasarkan oleh kita, yakni di tangga ke 25.

Kumpulan Sasar untuk CPI

Pasukan Petugas Khas CPI telah merangka pendekatan yang berasaskan kepada keseluruhan negara (whole-of-nation), menggabungkan usaha kerajaan, sektor swasta dan masyarakat sivil.

Enam Kumpulan Sasar yang dibentuk membawa mandat yang besar dan penting, setiap satu dengan tujuan jelas untuk menangani isu utama bagi mempengaruhi skor CPI Malaysia.

Enam Kumpulan Sasar tersebut merangkumi:

1. Penguatkuasaan – memacu integriti dan profesionalisme agensi penguatkuasaan;
2. Pengurusan Dana Awam – memastikan setiap sen dana awam digunakan dengan cekap dan penuh berakauntabiliti;
3. Daya Saing Perniagaan – memperkasa ekonomi dengan meminimalkan birokrasi dan ketelusan dalam perdagangan;
4. Risiko Pelaburan – menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan global yang stabil serta dipercayai;
5. Perundangan – menegakkan keadilan dan memastikan kehakiman bebas daripada sebarang pengaruh;
6. Komunikasi Strategik – menyampaikan mesej kepada rakyat dengan penuh telus dan meyakinkan.

Hakikatnya, enam Kumpulan Sasar ini adalah kunci kepada transformasi dan pembawa negara untuk mencapai skor CPI yang diharapkan.

Ini kerana, setiap Kumpulan Sasar direka untuk memberi tumpuan kepada aspek tertentu yang bakal menyumbang kepada skor CPI, menjadikan pendekatan ini lebih efektif dan bersasar.

Selain itu, Kumpulan Sasar ini melibatkan pelbagai pihak, seperti kerajaan, Badan Bukan Kerajaan atau NGO, masyarakat sivil dan sektor swasta.

Ini semua dirangkumkan di dalam sebuah usaha kolektif untuk mencapai perubahan yang penuh makna.

Lebih penting, langkah yang dirangka oleh Kumpulan Sasar bukan sekadar usaha pembaikan kecil, tetapi transformasi menyeluruh yang akan membina semula kepercayaan rakyat serta pelabur.

Secara tuntasnya, rasuah bukan sekadar jenayah pentadbiran.

Ia merupakan pengkhianat kepada masa depan negara kita.

Bersama, kita harus melawannya dengan penuh integriti sebagai senjata utama.

Kini, Malaysia sedang melangkah ke arah pembaharuan yang besar dan perjalanan ini memerlukan sokongan penuh dari seluruh masyarakat setempat.

Pasukan Petugas Khas CPI dan Kumpulan Sasar yang menyokongnya adalah simbol komitmen kerajaan kita untuk membawa perubahan besar ini, namun kejayaan tidak mungkin dicapai tanpa penyertaan dari semua pihak.

Ingatlah, transformasi tidak berlaku secara kebetulan.

Ia memerlukan tindakan yang terfokus, usaha yang tidak pernah putus dan kepercayaan kepada visi yang didokong secara bersama.

Kepada rakyat semua, kita adalah nadi kepada perubahan besar ini.

Tolak rasuah, amalkan integriti dan jadikan contoh kepada generasi baharu yang akan kita bina bersama.

Kepada pemimpin, keputusan yang anda buat pada hari ini akan menentukan masa depan buat negara.

Pimpinlah dengan penuh rasa tanggungjawab dan kejujuran.

Kepada dunia, Malaysia adalah bukti bahawa dengan kesatuan, keazaman dan kejujuran, negara kecil ini mampu menjadi sebuah negara yang bukan sahaja bersih, tetapi juga gemilang dengan acuannya yang tersendiri.

Bersama kita jadikan Malaysia MADANI sebagai lambang sebuah negara yang dihormati dan dibanggakan di mata dunia.



Mohamad Hasan rasmi Surau Tok Juta, Kampung Kanchung



REMAU: Ahli Parlimen Rembau, Dato' Seri Utama Mohamad Hasan merasmikan bangunan baharu Surau Tok Juta, di Kampung Kanchung.

"Surau ini dibina semula di bawah program Kampung Angkat Madani Kementerian Luar Negeri.

"Alhamdulillah, surau lama yang berusia hampir 100 tahun, yang dibina semula, agar dapat digunakan untuk kemudahan penduduk setempat khususnya semasa bulan Ramadhan ini," kata Mohamad Hasan.

Dalam pada itu, Mohd Hasan telah menziarahi dan menyerahkan sumbangan kerusi roda kepada Idris Hasan di Rumah Rakyat Nyatoh, Rantau yang kini diuji dengan penyakit kencing manis dan lumpuh sebelah badan kanan.

"Saya berharap sumbangan kerusi roda ini membantu ahli keluarga menguruskan pergerakan dan rutin harian Saudara Idris.

"Saya mendoakan semoga beliau cepat sembuh, Insya Allah," ujar Mohamad Hasan yang juga ADUN Rantau.



Bayi alami jantung berlubang dapat perhatian Rajasekaren



SRI TANJUNG: ADUN Sri Tanjung, Dr. G. Rajasekaren telah turun padang bagi melihat keadaan seorang bayi yang mengalami masalah jantung berlubang.

Rajasekaren berkata, bayi tersebut baru berusia satu bulan.

"Lawatan yang diadakan ini juga adalah untuk memberikan sokongan moral dan bantuan kewangan kepada keluarga bayi tersebut yang menghadapi cabaran besar dalam mendapatkan rawatan perubatan yang diperlukan.

"Bayi tersebut juga di diagnosis dengan masalah jantung berlubang sejak lahir dan memerlukan rawatan segera.

"Oleh kerana kos rawatan yang tinggi di Institut Jantung Negara (IJN) ia menjadi kekangan kepada keluarga ini," kata Rajasekaren.

300 pelajar sekolah terima bantuan daripada Mustapha



PALONG: Seramai 300 orang pelajar sekolah telah menerima sumbangan kelengkapan sekolah daripada **ADUN Palong**, Dato' Mustapha Nagoor.

Mustapha berkata, sumbangan tersebut merupakan tajaan daripada FELDA dan diadakan di Dewan Semai Bakti, Palong 7.

"Barangan kelengkapan sekolah tersebut diberikan kepada pelajar sekolah yang memasuki Tahun 1.

"Terima kasih FELDA sumbangan ini dan secara tidak langsung ia dapat meringankan beban keluarga serta memastikan anak-anak FELDA memulakan sesi persekolahan dengan kelengkapan yang

mencukupi.

"Semoga usaha murni ini terus memberi impak positif kepada generasi masa depan," kata Mustapha.



Jualan Ladang Nismilan Prihatin DUN Seremban Jaya bantu golongan B40



SEREMBAN JAYA: Program Jualan Ladang Nismilan Prihatin yang diadakan di Taman Seremban Jaya mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk setempat.

ADUN Seremban Jaya, P. Gunasekaran berkata, program ini dijalankan setiap bulan dan di setiap 36 DUN bagi membolehkan penduduk setempat dan sekitar berpeluang membeli barangan keperluan asas yang dijual 20 hingga 30 peratus lebih murah dari harga pasaran.

"Antara barangan asas yang dijual ialah beras (RM13.00/sekilo), ikan kembung (RM10.00/sekilo), ayam (RM13.00/sekilo), telur (RM10.00/satu papan), sayur-sayuran (RM2.00 hingga RM5.00) dan minyak masak (RM2.00/sepaket).

"Turut dijual murah ialah barangan keperluan seperti bawang merah, mee segera, susu, kicap, sardin, Milo, biskut, garam dan perencah makanan.

"Jualan ini memberi manfaat kepada masyarakat untuk membeli barangan keperluan asas dengan harga yang lebih murah dan diharapkan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban kos sara hidup masa kini terutamanya golongan B40.

"Terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri Sembilan terutamanya YAB Menteri Besar Negeri Sembilan yang telah melaksanakan program ini untuk seluruh rakyat Negeri Sembilan," kata Gunasekaran.



Jalaluddin sumbang RM127,000 untuk sambutan Ramadan di Jelebu

Ahli Parlimen Jelebu, Dato' Seri Jalaluddin Alias telah menyumbang sebanyak RM127,000 kepada masjid dan surau di Parlimen Jelebu sempena sambutan Ramadan.

Jalaluddin berkata, sumbangan ini diberikan bagi membantu pengurusan masjid dan surau mengadakan aktiviti keagamaan sepanjang bulan Ramadan.

"Sumbangan ini sebagai tanda keprihatinan terhadap kepentingan institusi masjid dan surau dalam mendidik serta membimbing masyarakat Islam.

"Dengan adanya dana ini, pelbagai program seperti majlis berbuka puasa, ceramah agama, dan sumbangan kepada golongan memerlukan dapat dilaksanakan dengan lebih lancar.

"Penduduk setempat menyambut baik usaha ini dan berharap ia dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memastikan masjid dan surau terus menjadi

pusat utama dalam mengimarahkan Ramadan serta memperkukuh ukhuwah dalam komuniti Islam di Jelebu," kata Jalaluddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pertang.

Majlis penyerahan sumbangan ini telah berlangsung di Kompleks UMNO Jelebu, Simpang Pertang.



Program TOT persediaan banjir perkasa komuniti Pilah

PILAH: Program 'Training of Trainers' (TOT) Persediaan Menghadapi Banjir adalah langkah persediaan menghadapi banjir.

ADUN Pilah, Dato' Noorzunita Begum Mohd Ibrahim berkata, ia juga adalah langkah untuk meningkatkan kesedaran komuniti setempat supaya impak banjir dapat dikurangkan.

"Selain itu, mereka juga dapat bertindak dengan lebih pantas.

"Program yang dianjurkan oleh Global Environment Centre dengan kerjasama

Anggota Pertahanan Awam Malaysia (APM) adalah bagus.

"Hal ini kerana bencana banjir bukanlah suatu yang asing bagi kita khususnya di Negeri Sembilan.

"Kita juga telah saksikan bagaimana banjir yang melanda beberapa daerah di negeri ini dan kesan yang dirasakan amatlah besar.

"Ia mampu mengancam keselamatan dan menyebabkan kerosakan harta benda serta menyebabkan gangguan terhadap ekonomi," kata Noorzunita.



Lebih 100 pelajar sekolah DUN Linggi dapat beg sekolah percuma

LINGGI: Pejabat Khidmat Rakyat DUN Linggi telah menganjurkan program Gunting Rambut Percuma sempena Kembali Ke Sekolah kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah.

ADUN Linggi, Dato' Mohd Faizal Ramli berkata, program anjuran bersama Persatuan Mahasiswa Anak Port Dickson, GIATMARA, Kelab Sukan dan Rekreasi Berani dan Berjasa serta Yayasan Bank Rakyat telah diadakan di Dewan Orang Ramai Linggi bermula jam 9 pagi dan berakhir jam 4.30 petang.

"Seramai lebih 100 pelajar sekolah telah

hadir menyertai program ini dan mereka telah dihadaikan beg sekolah percuma.

"Rata-rata ibu bapa mengucapkan terima kasih di atas penganjuran program ini dan sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban mereka dalam persiapan untuk kembali ke sekolah bermula Isnin ini.

"Terima kasih saya ucapkan kepada semua urusetia dan wakil dari GIATMARA yang menjayakan program.

"Insyah Allah kita akan tambah baik lagi program ini pada masa akan datang,"

Veerapan sumbang RM5,000 kepada Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia Cawangan Tampin

ADUN Repah, Veerapan Superamiam, terus komited dalam menyokong masyarakat setempat dan organisasi tempatan.

Sebagai sebahagian daripada rutin harinya, Veerapan kerap berjumpa dengan masyarakat setempat termasuk pelbagai organisasi untuk mendengar dan memahami keperluan serta aspirasi mereka.

Veerapan berkata, pada bulan Disember yang lalu, Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM) Cawangan Tampin telah mengadakan pertemuan dengan beliau untuk membincangkan permohonan sumbangan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat untuk para ahlinya.

"Menyedari pentingnya sokongan kepada para veteran yang telah banyak berjasa kepada negara, saya dengan sukacitanya meluluskan peruntukan sebanyak RM5,000 kepada persatuan ini.

"Sumbangan tersebut telah disampaikan kepada Pengerusi PVATM Cawangan Tampin, Encik J.Ravindran, dengan harapan bahawa dana ini akan digunakan sebaik mungkin bagi manfaat ahli-ahlinya dan pelaksanaan aktiviti tahunan persatuan ini.

"Saya menekankan bahawa sokongan kepada organisasi seperti PVATM adalah selaras dengan komitmen beliau untuk memperkasakan komuniti setempat dan mengiktiraf sumbangan individu yang telah berkhidmat untuk negara.



"Saya berharap sumbangan ini dapat membantu Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia Cawangan Tampin dalam melaksanakan pelbagai aktiviti yang memberi manfaat kepada para ahlinya.

"Veteran kita adalah wira yang telah berkorban demi negara, dan adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan mereka mendapat sokongan yang sewajarnya," kata Veerapan.

Kenyataan ini juga menunjukkan komitmen Veerapan untuk sentiasa peka terhadap keperluan masyarakat setempat dan organisasi tempatan.



I KUTIPAN ZAKAT 2024

LAPORAN KUTIPAN ZAKAT TAHUNAN (JAN - DIS 2024)
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

BIL.	JENIS ZAKAT	JUMLAH KUTIPAN (RM)
1	PADI	54,887.11
2	WANG SIMPANAN	24,916,270.89
3	EMAS	2,415,727.58
4	HARTA	4,369,144.20
5	SAHAM	1,255,175.21
6	TERNAKAN	156,157.30
7	PERNIAGAAN	27,585,959.02
8	PENDAPATAN	97,841,050.14
9	KWSP	2,572,794.91
10	QADHA ZAKAT	456,354.24
JUMLAH KESELURUHAN		161,625,523.60

II AGIHAN ZAKAT 2024

LAPORAN AGIHAN ZAKAT TAHUNAN (JAN - DIS 2024)
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

BIL.	JENIS ZAKAT	JUMLAH KUTIPAN (RM)
1	AMIL	15,800,472.74
2	FAKIR	30,892,317.22
3	MISKIN	43,209,422.72
4	MUALLAF	12,775,232.70
5	IBNU SABIL	50,050.00
6	FISABILILLAH	72,871,849.01
7	GHARIMIN	4,097,969.32
8	RIQOB	-
JUMLAH KESELURUHAN		179,697,313.71

III KUTIPAN WAKAF 2024

LAPORAN KUTIPAN WAKAF TAHUNAN (JAN-DIS 2024)
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

BIL.	JENIS ZAKAT	JUMLAH KUTIPAN (RM)
1	POTONGAN GAJI	984,261.67
2	KAUNTER	875,786.85
3	ONLINE BANKING / CDM	3,264,279.68
4	AGEN KUTIPAN	277,766.76
5	TABUNG	95,116.10
JUMLAH KESELURUHAN		5,497,211.06

IV AGIHAN WAKAF 2024

LAPORAN AGIHAN WAKAF TAHUNAN (JAN - DIS 2024)
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

BIL.	JENIS ZAKAT	JUMLAH KUTIPAN (RM)
1	PENDIDIKAN	922,637.00
2	KESIHATAN	184,584.00
3	SOSIOEKONOMI	1,069,156.42
4	PENGEMBANGAN HARTA	-
JUMLAH KESELURUHAN		2,176,377.42



SAMBUTAN BULAN WAKAF

Pejabat MAINS Daerah: Port Dickson
Tarikh: 28 Februari 2025 (Jumaat)
Masa: 8.00 pagi - 1.00 petang
Tempat: 1 Woksyop Briged, Kem Kampung Sawah, Port Dickson
Penceramah Jemputan: Ustaz Bukhari Saifan

Pejabat MAINS Daerah: Seremban
Tarikh: 4 Mac 2025 (Selasa)
Masa: 8.00 pagi - 1.00 petang
Tempat: Klana Resort, Seremban
Penceramah Jemputan: Ustaz Harryanto Rizal Rokman

Pejabat MAINS Daerah: Tampin
Tarikh: 6 Mac 2025 (Khamis)
Masa: 8.30 pagi - 1.00 petang
Tempat: Dewan Pejabat Agama Islam Daerah, Tampin
Penceramah Jemputan: Tuan. Hj Norazman & IM Fatah

Pejabat MAINS Cawangan: Senawang
Tarikh: 7 Mac 2025 (Jumaat)
Masa: 10.00 pagi - 1.00 petang
Tempat: Kem RAMD 15, Senawang
Penceramah Jemputan: PU Raihan

Pejabat MAINS Daerah: Rembau
Tarikh: 13 Mac 2025 (Khamis)
Masa: 8.30 pagi - 1.00 petang
Tempat: Pejabat Pendidikan Daerah Rembau
Penceramah Jemputan: PU Amin

Pejabat MAINS Cawangan: Seremban 2
Tarikh: 12 Mac 2025 (Rabu)
Masa: 8.00 pagi - 1.00 petang
Tempat: Pangkalan Udara Sendayan
Penceramah Jemputan: PU Rahmat

Pejabat MAINS Daerah: Jempol
Tarikh: 12 Mac 2025 (Rabu)
Masa: 8.30 pagi - 1.00 petang
Tempat: Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Air Hitam
Penceramah Jemputan: PU Raihan

Pejabat MAINS Daerah: Jelebu
Tarikh: 7 Mac 2025 (Jumaat)
Masa: 9.00 pagi - 11.30 pagi
Tempat: Dewan Besar, Kuala Klawang
Penceramah Jemputan: Ustaz Ghazali Ibrahim

Pejabat MAINS Daerah: Nilai
Tarikh: 18 Mac 2025 (Selasa)
Masa: 8.00 pagi - 1.00 petang
Tempat: Hospital Aurelius, Nilai
Penceramah Jemputan: Ustaz Harryanto Rizal Rokman

Pejabat MAINS Daerah: Kuala Pilah
Tarikh: 21 Mac 2025 (Jumaat)
Masa: 2.30 petang - 5.30 petang
Tempat: Kolej Matrikalasi, Kuala Pilah
Penceramah Jemputan: Imam Muda Hizbur Rahman & Ustaz Bukhari Saifan

Pejabat MAINS Daerah: Gemas
Tarikh: 25 Mac 2025 (Selasa)
Masa: 8.00 pagi - 1.00 petang
Tempat: Dewan Besar Gemas, Gemas
Penceramah: IM Fatah



Setiausaha MAINS, Tuan Haji Zainal Said menyantuni dan menyerahkan kunci Rumah Mawaddah kepada 14 keluarga asnaf di Jelebu, Jempol, Port Dickson, Seremban 2, Gemas dan Tampin. Rumah dengan kos RM100,000 melalui amanah zakat MAINS.



MAINS (Daerah Rembau) bersama Dato' Zaifulbahri Idris (kanan) sedang menyantuni Mohd Zaidi Talib Di Kampung Kundur Hilir.



MAINS (Daerah Jelebu) menyalurkan enam tin susu nutrisi setiap bulan serta bantuan tunai dan kos rawatan kepada pesakit kanser lidah sepanjang tempoh pemulihan.



Setiausaha MAINS, Tuan Haji Zainal Said berkesempatan membuat lawatan ke Kolej Komuniti Tampin untuk melihat perkembangan usahawan asnaf MAINS, Kartini Susilawati Md. Yunos yang giat menjalankan perniagaan pembuatan keropok lekor.



Program Pengurusan Belajar Anak-Anak Asnaf melibatkan 40 peserta dari kalangan anak-anak asnaf daerah Seremban dan Rembau yang berlangsung di Kompleks As-Sa'adah MAINS. Program ini bertujuan membentuk kaedah belajar berkesan serta menyuntik semangat belajar dalam kalangan anak asnaf.



MAINS (Daerah Port Dickson) telah mengadakan Taklimat dan Kaunter Perkhidmatan MAINS sempena Hari Bertemu Pelanggan di Hotel Seri Malaysia, Port Dickson. Majlis disempurnakan oleh YB Datuk Haji Mohd Faizal Ramli, ADUN Linggi.



Kompleks As-Sa'adah MAINS telah menerima lawatan daripada 80 imam dari China mewakili daerah Kunming, Xi'an dan Guangzhou. Lawatan ini menjadi platform pertukaran maklumat mengenai peranan Kompleks As-Sa'adah sebagai pusat pendidikan dan kegiatan saudara baharu serta kaedah yang digunakan dalam pelaksanaan syahadah bagi golongan yang ingin memeluk Islam.



MAINS (Daerah Rembau) bersama Pejabat Kesihatan Daerah Rembau (PKDR) menyantuni asnaf yang menghadapi masalah kesihatan melalui pemeriksaan dan khidmat nasihat perubatan. Program ini dijalankan oleh pegawai kesihatan PKDR, Dr. Mohd. Saiful Mohd. Rosli dan Dr. Aida Zurianie Kamarudin bagi menilai tahap kesihatan serta mencadangkan rawatan dan bantuan yang diperlukan.

Ketua Pengarah Pendidikan tinjau hari pertama persekolahan SK Taman Seri Pagi dan SMK Tunku Ampuan Durah



SEREMBAN: Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Azman Adnan telah meninjau pengoperasian hari pertama persekolahan di Sekolah Kebangsaan Taman Seri Pagi dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Ampuan Durah.

Azman telah mengambil kesempatan untuk menyantuni murid, guru, warga sekolah dan ibu bapa di kedua-dua buah sekolah.

Beliau turut menyempurnakan Simbolik Pemberian Kit

Persekolahan oleh Yayasan Didik Negara.

Kementerian Pendidikan (KPM) menggariskan minggu pertama persekolahan perlu diisi dengan program dan aktiviti yang dapat membantu murid menyesuaikan

diri dengan suasana sekolah seterusnya menyediakan mereka untuk sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Hadir bersama adalah Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan, Khalidah Omar.



Kementerian Pendidikan perkenal Pembantu Guru di 274 sekolah menengah

Bagi memastikan kesejahteraan guru terpelihara, Kementerian Pendidikan (KPM) memperkenalkan inisiatif Pembantu Guru Malaysia Short-Term Employment Programme (MySTEP).

Buat permulaan, seramai 548 orang Pembantu Guru MySTEP akan ditempatkan di 274 buah sekolah

menengah seluruh negara dengan jumlah murid 1,500 orang atau lebih.

Pembantu guru turut akan ditempatkan di tujuh buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas.

Inisiatif ini adalah salah satu usaha KPM bagi memastikan isu yang terkait dengan

beban tugas guru dapat ditangani sekaligus meningkatkan kesejahteraan mereka.

Matrikulasi 25: Mewarnai Generasi MADANI Masa Hadapan

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Azman Adnan telah menyempurnakan Majlis Peluncuran Sambutan Jubli Perak Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan (KPM) di Kolej Matrikulasi Pahang.

'Matrikulasi 25: Mewarnai Generasi MADANI Masa Hadapan' yang merupakan tema sambutan menggambarkan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk terus memperkasakan Program Matrikulasi dan melahirkan pelajar

berkualiti tinggi dalam bidang sains, teknologi dan profesional.

Tahniah diucapkan kepada warga Program Matrikulasi KPM di atas kejayaan yang telah dicapai sepanjang 25 tahun ini.

Turut hadir pada majlis ini adalah Pengarah Bahagian Matrikulasi, Mohd Kassim Jaafar, pegawai-pegawai kanan KPM, pelajar dan warga Bahagian Matrikulasi.



ASEAN GEMS tawar dana biasiswa RM17.68 juta

SUBANG JAYA: Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr.Zambry Abd Kadir telah melancarkan platform ASEAN GEMS (Global Exchange for Mobility and Scholarship), sebuah inisiatif yang bertindak sebagai pusat sehati bagi maklumat berkaitan biasiswa dan program mobiliti akademik dalam kalangan negara anggota ASEAN di Majlis Perasmian ASEAN Education Forum 2025 (AEF 2025).

Zambry berkata, platform ini bertujuan meningkatkan akses pendidikan serta memperkukuh integrasi akademik serantau dengan menyediakan peluang biasiswa dan pertukaran akademik rentas sempadan.

"ASEAN GEMS menawarkan dana biasiswa berjumlah USD4 juta (RM17.68 juta) bagi memperluaskan peluang pendidikan tinggi kepada pelajar ASEAN.

"Inisiatif ini dijangka memberi manfaat kepada ribuan pelajar dengan membantu mereka mendapatkan pembiayaan dan maklumat lengkap mengenai peluang akademik di seluruh rantau.

"Platform ini akan memainkan peranan penting dalam membangunkan generasi pemimpin masa depan ASEAN dengan memastikan setiap pelajar mendapat akses kepada pendidikan berkualiti

tanpa mengira latar belakang sosioekonomi mereka.

"Platform ini juga bakal menjadi pemacu dalam membentuk masyarakat akademik yang lebih inklusif dan berdaya saing, sejajar dengan matlamat ASEAN untuk menjadikan rantau

ini sebagai hab pendidikan tinggi yang dinamik dan berinovasi," kata Zambry.



Permohonan UPUOnline dibuka

Hai adik-adik semua.

Adik-adik ada pertanyaan mengenai UPUOnline?

Berikut adalah saluran untuk dihubungi bagi sebarang pertanyaan mengenai UPUOnline.

E-mel:
upu@mohe.gov.my

Hotline:
03-8684 2363

Maklum Balas Pelanggan:
<https://jpt.mohe.gov.my/maklumbalas/>

UPUCHAT: <https://upuchat.org/>

Muat Turun UPUPOCKET:
AppGallery | Google Play | App Store

Maklumat lanjut mengenai permohonan ini juga boleh dirujuk melalui laman sesawang rasmi UPUOnline:
upu.mohe.gov.my

Kemiskinan tegar sudah hampir dinoktahkan



Malaysia telah mencapai kemajuan luar biasa dalam pertumbuhan ekonomi dan pengurangan kemiskinan.

Kemiskinan tegar sudah hampir dinoktahkan, dan ketidaksamaan pendapatan adalah lebih rendah berbanding 50 tahun yang lalu.

Tetapi inilah cabarannya apabila kemajuan telah terhenti, dan ketidaksamaan hari ini lebih tinggi berbanding negara lain yang berpendapatan tinggi (Gini 39 vs. Gini 30).

Walaupun hampir kesemua rakyat Malaysia mendapatkan

pendidikan, penjagaan kesihatan dan peluang pekerjaan yang lebih baik daripada zaman dahulu seperti mana yang dialami oleh golongan lebih tua seperti ibubapa, datuk dan nenek kita, relatif mobiliti sosial masih rendah.

Sepuluh daripada golongan mereka yang lahir dalam 20 peratus terendah kekal di sana, manakala dua per tiga daripada 20 peratus terkaya kekal di atas.

Tidak peliklah 70 peratus rakyat Malaysia yang percaya jurang antara kaya dan miskin ini 'sangat luas'.

Ketidaksamaan ini bukan hanya pada isu ekonomi malah ia mempengaruhi perpaduan dan aspirasi sesebuah negara.

Apabila rakyat kita melihat seperti tidak ada jalan untuk naik ke peringkat seterusnya, kita bukan sahaja kehilangan lebih daripada sekadar pendapatan, kita juga kehilangan kebebasan untuk menikmati kehidupan sepenuhnya.

Menangani perkara ini bukan sekadar melibatkan dasar, tetapi kewajipan moral bagi kerajaan.

Ini menjadikan Laporan Ketidaksamaan dan Mobiliti

Pendapatan sangat penting.

Ia merupakan kajian terbesar mengenai ketidaksamaan yang pernah dilakukan - tinjauan sekitar 10,000 rakyat Malaysia.

Ia mendedahkan:

* 87 peratus ketidaksamaan pendapatan dijelaskan dalam kumpulan-kumpulan etnik, bukan antara mereka.

* Jurang peluang mendorong 65 peratus daripada jumlah ketidaksamaan — bukan hanya usaha atau pilihan.

* Intervensi awal dalam pendidikan, pembaharuan pasaran buruh, dan dasar

upah yang adil adalah asas untuk membalikkan trend ini.

Laporan ini adalah kerjasama antara Kementerian Ekonomi, DOSM, dan Bank Dunia.

Inti pati laporan ini sangat jelas, dan datanya sangat informatif.

Mari kita fahami dan gunakan sebagai titik permulaan untuk membentuk dasar dan membantu setiap rakyat Malaysia berjaya ke peringkat seterusnya.

DATO' SERI RAFIZI RAMLI
Menteri Ekonomi

EKSPORT DAN IMPORT 2025: Catat permulaan positif pada Januari

Baru-baru ini, MITI telah mengumumkan prestasi perdagangan Malaysia bagi Januari 2025, yang mencatatkan pertumbuhan positif, sekaligus mencerminkan keyakinan global terhadap ekonomi negara.

Permulaan tahun yang memberangsangkan ini menunjukkan kemajuan dalam industri utama dan peningkatan pelaburan, memperkukuhkan kedudukan Malaysia di peringkat antarabangsa.

Dengan daya saing yang terus dipertingkatkan, lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan diwujudkan, memberi manfaat langsung kepada rakyat dan sektor industri.

MITI kekal komited dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan demi kesejahteraan negara.

Ekonomi Malaysia tumbuh 5.1 peratus pada 2024

PUTRAJAYA: Ekonomi Malaysia berkembang lima peratus pada Suku Keempat 2024, menjadikan pertumbuhan sepanjang tahun 5.1 peratus.

Menteri Ekonomi, Dato' Seri Rafizi Ramli berkata, pertumbuhan ini mengatasi Indonesia (5.0 peratus) dan Singapura (4.0 peratus), serta melebihi ekonomi utama seperti China (5.0 peratus), Korea Selatan (2.0 peratus) dan Amerika Syarikat (2.8 peratus).

Apa yang mendorong pertumbuhan ini?

1. Pelaburan meningkat – Keyakinan terhadap Malaysia kekal kukuh, dengan pertumbuhan pelaburan tertinggi sejak 2012.

2. Sektor pembinaan melonjak (17.5 peratus pertumbuhan) – Lebih banyak infrastruktur, lebih banyak pekerjaan, lebih banyak peluang.

3. Perbelanjaan rakyat lebih kukuh – Gaji meningkat, perniagaan

berkembang, dan pelancongan pulih.

4. Eksport melonjak 8.5 peratus – Malaysia semakin mengukuhkan kedudukan dalam perdagangan global.

"Tetapi ini bukan sekadar angka. Ini tentang rakyat.

"Tentang pekerjaan, perniagaan, dan peluang yang meningkatkan kehidupan semua rakyat Malaysia.

"Kerajaan akan terus menyokong gaji yang adil, menarik pelaburan, dan mewujudkan lebih banyak peluang supaya pertumbuhan ini dapat dirasakan oleh semua.

"Masih banyak yang perlu dilakukan, tetapi kita berada di landasan yang betul," kata Rafizi.

DATO' SERI RAFIZI RAMLI
Menteri Ekonomi



Strategi Semikonduktor Nasional

Malaysia terus mengorak langkah dalam industri semikonduktor dengan strategi yang mendorong inovasi dan pertumbuhan.

Melalui inisiatif berimpak tinggi, lebih banyak syarikat tempatan dalam pembangunan teknologi maju akan berkembang, menjana hasil yang lumayan

dan memperkukuh rantaian bekalan semikonduktor negara.

MITI terus komited memangkin transformasi industri negara dengan tema Made by Malaysia, selari dengan visi Ekonomi MADANI dan NIMP 2030.

Tiga syarikat baharu selain PUSPAKOM beri pilihan kepada pengguna kenderaan

PUTRAJAYA: Kerajaan telah memutuskan untuk melantik tiga syarikat baharu bagi melaksanakan Perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) selain daripada PUSPAKOM.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, setelah melalui proses penilaian yang teliti dan kriteria yang telah ditetapkan, Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah bersetuju untuk melantik tiga syarikat bagi melaksanakan perkhidmatan PPKM Fasa Pertama iaitu:

1. WAWASAN BINTANG SDN BHD.

2. PAKATAN PETROLEUM SDN BHD.
3. BERIMAN GOLD SDN BHD.

"Perluasan PPKM dapat memberikan lebih banyak pilihan kepada orang ramai dalam mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan, selaras dengan usaha dan komitmen Kerajaan MADANI untuk meningkatkan mutu serta penyampaian perkhidmatan kepada rakyat," ujar beliau.

Dalam pada itu, Loke berkata, Kementerian Pengangkutan ingin memberikan penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan di media sosial berkenaan kelayakan dan pemilihan

syarikat untuk melaksanakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di PPKM.

"Pemilihan syarikat adalah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], termasuk syarat kelayakan, prosedur, peraturan, dan standard yang telah dipaparkan di laman sesawang MOT dan JPJ sejak 23 April 2024.

"Hasil penilaian yang dibuat oleh Jawatankuasa Pelesenan dan Penilaian PPKM mendapati tiga syarikat yang terpilih memenuhi sepenuhnya syarat yang ditetapkan.

"MOT dan JPJ tidak menetapkan tempoh pendaftaran dengan SSM sebagai syarat kelayakan, sebaliknya keutamaan diberikan kepada kestabilan kewangan syarikat berdasarkan keupayaan menyediakan modal berbayar dan modal pusingan yang mencukupi," jelas Loke.



Khutbah Jumaat

HUTANG MENAHAN KITA MASUK KE SYURGA

TARIKH: 27 Oktober 2024 SUMBER: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS)

Hutang atau al-qardh bermaksud penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang sama nilai dengannya akan digantikan kembali kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan.

Dalam bab hutang, ada dua pihak yang penting, iaitu pemberi hutang atau disebut sebagai pemiutang, dan orang yang berhutang, atau disebut sebagai penghutang. Kedua-dua pihak yang dinyatakan ini mempunyai peranan dalam menentukan kontrak hutang mematuhi kehendak syarak.

Tidak dinafikan, kehidupan hari ini mendesak manusia supaya berhutang.

Akan tetapi, ada manusia yang tidak berfikir masak-masak sebelum melakukan hutang menyebabkan dia berhutang untuk memenuhi kehendak nafsu tanpa memikirkan kesan jangka masa panjang.

Dia menjangkakan panas sampai ke petang, rupa-rupanya hujan pada tengah hari.

Hutang yang dibuat gagal dilunaskan dan akhirnya hutang pun di sekeliling pinggang.

Hutang yang membabitkan institusi kewangan atau koperasi mungkin mudah diuruskan kerana ada dokumen yang perlu diteliti dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

Keadaan ini berbeza dengan hutang yang dilakukan dengan individu.

Hutang menjadikan pemiutang berada dalam terdesak dan kesannya turut sampai hari akhirat.

Tidak hairanlah ada penghutang tidak dapat membayar hutangnya kerana pemiutang telah meninggal dunia dan warisnya pula sukar dikesan.

Oleh yang demikian, saya mengingatkan bahawa, hutang yang gagal dilunaskan boleh menyebabkan penghutang menghadapi tanggungjawab yang berat pada hari akhirat.

Sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Abdullah bin Umar R.A yang bermaksud:

'Sesiapa yang mati dalam keadaan masih memiliki hutang, maka pada hari akhirat tidak ada lagi urusan yang melibatkan dinar atau dirham. Pada hari tersebut hanyalah urusan yang melibatkan pahala kebaikan dan dosa kemaksiatan'. (Riwayat Abu Dawud)

Hukum berhutang adalah harus sedangkan memberikan hutang hukumnya sunat.

Meskipun demikian, ada beberapa hukum yang berkaitan dengan hutang yang perlu kita fahami:

1) **Haram** memberikan hutang kepada orang yang diketahui akan menggunakan hutang tersebut untuk tujuan yang haram seperti judi, minum arak, dadah dan sebagainya.

2) **Makruh** memberikan hutang kepada orang yang diketahui akan menggunakan hutang tersebut untuk tujuan yang tidak bermanfaat atau membazir. Makruh juga memberikan hutang kepada orang yang diketahui tidak mampu melunaskan hutangnya.

3) **Wajib** memberikan hutang kepada orang yang amat memerlukan untuk menampung keperluan asas bagi diri dan tanggungannya. Dia pula tidak ada cara yang lain untuk mengatasi keperluannya yang mendesak itu melainkan dengan cara berhutang.

Oleh itu, kepada mereka yang masih mempunyai hutang dinasihatkan supaya melunaskan hutang mereka walaupun nilainya kecil.

Jangan kerana satu sen, kita terlepas peluang ke syurga.

MAINS nafi lantik mana-mana pihak dalam urusan pembinaan masjid di Negeri Sembilan



Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) menafikan dan menegaskan bahawa tidak pernah melantik mana-mana pihak dalam urusan pembinaan masjid di Negeri Sembilan.

Urusan pembinaan masjid di Negeri Sembilan adalah di bawah Kerajaan Negeri Sembilan melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

Sehubungan itu, pihak MAINS menasihati seluruh lapisan masyarakat sentiasa menyemak asas kebenaran sebelum mempercayainya

dan menyebarkan (maklumat yang diragui) kepada pihak lain.

Sekiranya terdapat mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab menjanjikan pelantikan sebagai konsultasi, kontraktor atau apa-apa pelantikan berkaitan pembinaan masjid di Negeri Sembilan ianya adalah TIDAK BENAR dan PALSU.

Pihak MAINS menyarankan kepada mana-mana orang yang terperdaya dengan tawaran pelantikan tersebut hendaklah membuat laporan di balai polis yang berhampiran.



Buang sifat mementingkan diri, mari kita melangkah maju dengan semangat kebersamaan. Saidina Ali Karamullahu Wajhah pernah berkata,

"Kerjasama adalah kunci kejayaan dalam setiap usaha yang besar.

"Sesungguhnya kejayaan bukanlah milik mereka yang hanya mencari kemuliaan diri, tetapi milik mereka yang mampu bekerja bersama demi mencapai tujuan yang lebih besar."



BANTUAN AM PELAJARAN IPT

FISABILILLAH (2025)

Bantuan ini merupakan bantuan awal kemasukan ke pusat pengajian untuk pelajar yang menerima tawaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

PERMOHONAN

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian ('online') melalui pautan mains.gov.my/agihan atau Imbas kod QR.



SYARAT & KELAYAKAN

1. Beragama Islam.
2. Warganegara Malaysia.
3. Telah bermastautin di Negeri Sembilan lebih dari 6 bulan sehingga kini.
4. Permohonan bagi awal kemasukan sahaja (lampirkan surat tawaran semasa).
5. Mod pengajian sepenuh masa sahaja.
6. Semua peringkat pengajian (Sijil/Asasi/Matrikulasi/Diploma/Ijazah Sarjana Muda/Sarjana dan Doktor Falsafah).
7. IPTA/S di dalam atau luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
8. Bidang/Kursus yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia serta tidak bertentangan dengan Hukum Syarak.
9. Pemohon yang belum berkerjaya atau tiada pendapatan tetap.

Untuk maklumat lanjut, hantarkan e-mel ke unitpendidikan@mains.gov.my

Tempoh permohonan bermula dari 3 Februari 2025 sehingga 30 November 2025.

@majlisagamaislamns www.mains.gov.my

Bantuan Am Pelajaran IPT MAINS telah dibuka

Bantuan Am Pelajaran Institut Pengajian Tinggi (IPT) telah dibuka oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS).

• Pautan Permohonan: www.mains.gov.my/agihan

• Pertanyaan/Maklumat Lanjut: unitpendidikan@mains.gov.my

• Manual Permohonan Bantuan Am Pelajaran IPT MAINS 2025:

www.mains.gov.my/agihan/images/manual_ipt2.pdf
 • Manual Soalan Lazim (FAQ) Permohonan Bantuan Am Pelajaran IPT MAINS secara dalam talian:

www.mains.gov.my/agihan/images/soalan_lazim_ipt.pdf

• Tarikh Tutup Permohonan: 30 November 2025

Harga Beras Putih Tempatan kekal RM2.60 sekilogram

KUALA LUMPUR: Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dato' Seri Mohamad Sabu berkata, harga Beras Putih Tempatan (BPT) akan terus kekal pada kadar RM2.60 sekilogram.

"Bagi memastikan bekalan beras tempatan kembali ada di pasaran, kerajaan akan mengambil langkah proaktif dengan menyerap kos pengeluaran sebanyak RM150 juta dalam tempoh enam bulan.

"Langkah ini akan memastikan 24 juta kimpit Beras Putih Tempatan bersaiz 10kg dapat disalurkan ke pasaran dengan segera, sekali gus meringankan beban pengguna.

"Kedua, bagi menyokong dan memperkasakan komuniti pesawah negara, kerajaan telah menetapkan penyelarasan harga lantai belian padi kepada RM1,500 per tan metrik, berkuat kuasa mulai 16 Februari 2025.

"Keputusan ini diambil bagi menjamin

pendapatan pesawah yang lebih stabil dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran kos pengeluaran yang meningkat," kata beliau.

Mohamad berkata, langkah-langkah ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan dalam memastikan bekalan makanan negara terjamin serta kebajikan rakyat dan pesawah terus terpelihara.

"Kerajaan komited dalam memastikan keterjaminan makanan negara terus terpelihara dan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan," ujarnya di Persidangan Dewan Rakyat di Parlimen.



Kerajaan komited pastikan kelangsungan sektor pertanian dan keterjaminan makanan

KUALA LUMPUR: Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dato' Seri Mohamad Sabu dalam sesi penggulungan di Dewan Rakyat telah menjawab persoalan-persoalan utama yang dibangkitkan serta menggariskan strategi kementerian bagi memastikan keterjaminan makanan negara terus kukuh.

"Kerajaan komited dalam memastikan kelangsungan sektor pertanian dan keterjaminan makanan negara.

"Langkah-langkah tegas telah diambil, termasuk penyelarasan harga lantai belian padi serta pengekalan harga beras putih tempatan. Komitmen ini akan terus diperkukuh bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar.

"Kerajaan juga sedar akan cabaran

besar dalam industri padi, ini termasuklah isu kawalan harga, penguatkuasaan, dan infrastruktur pengairan, yang merupakan faktor penentu kejayaan sektor ini.



"Oleh itu, tadbir urus industri padi dan beras negara akan terus ditambah baik agar ia dapat berkembang secara pesat dan mampan," kata beliau.

Menurut Mohamad, kerajaan melihat sektor pertanian, perikanan, dan agromakanan bukan sekadar sebagai sektor ekonomi, tetapi sebagai tunjang kesejahteraan rakyat dan kestabilan negara.

"Isu ini bukan hanya mengenai hasil pertanian semata-mata, tetapi juga melibatkan pendapatan petani, harga makanan yang mampu milik, jaminan bekalan makanan, serta kelangsungan hidup berjuta-juta rakyat yang bergantung kepada sektor ini.

"Insya Allah, sektor agromakanan negara bukan sahaja akan bertahan, tetapi akan menjadi lebih kukuh, moden, dan berdaya saing demi masa depan rakyat dan negara," kata Mohamad lagi.

SEKOLAH ALAM, SEKOLAH MASA DEPAN JIKA TIDAK REVOLUSI, OLEH EVOLUSI

BAHAGIAN 2

Pertamanya yang kami temui ialah Sekolah Bakat yang diprakasai oleh Ainon Business School, berpangkalan di Sepang, Selangor.

Ia telah tertegak dan berlangsung dengan jayanya.

Keduanya, Sekolah Hutan dicitakan operasinya di Hulu Langat oleh para aktivis alam sekitar.

Manakala, Sekolah Nomad adalah model yang diterajui oleh Dewdemy Academy.

Satu daripadanya kami cukup dekat, dua daripadanya kami terlibat tukang dengan modal kecil yang ada keberanian bermimpi.

Manakala, dengan kesedaran itu kami layarkan cita dan hasrat menegakkan batu-bata pembangunan model lainnya iaitu Sekolah Alam sebagai tawaran.

Idea ini bermula dengan alamraya sebagai premisnya.

Manakala, secara konsep pelaksanaan ia dilakar sebagai kegiatan mengisi waktu cuti sekolah anak-anak.

Di mana titik tolak idea ini dirumuskan ketika segelombang besar masih di arus utama?

Ialah kesedaran dhamir tentang perubahan.

Sifat sesuatu berubah.

Jika tidak revolusi, oleh evolusi.



Zaman bergilir, persekitaran dinamik mempengaruhi mood pelajar.

Mereka mahu ruang yang lepas.

Rata-rata anak golongan urban sejak lahir telah hidup di ruang tertutup.

Bandar yang rata-rata didiami majoriti kelas pekerja/ buruh/ proletariat atau golongan yang lebih tinggi kelas sosial daripada mereka pun tidak lepas daripada cengkaman 'kehidupan dalam kotak'.

Tanah telah sangat mahal, kemampuan memiliki hartanah hanya berkuasa oleh sebilangan kecil para kapitalis pemilik modal-modal besar.

Anak-anak berhutang jiwa kepada tanah dan alam.

Bumi mereka telah banyak dcederai urbanisasi menggila.

Jadi, bila tawaran menikmati pembelajaran dengan konsep

bebas dan lepas ia sebagai menebus hutang mereka menikmati udara pembelajaran yang luas sentosa.

Para pengasas sekolah model ini adalah Social Innovator.

Memikul beban rekayasa masyarakat menghadapi kemaraan masa depan.

Gajet telah merempuh masuk ke bangunan sekolah dan universiti.

Dilaporkan bahawa 72 peratus pelajar lepasan sekolah tidak minat menyambung pengajian di gedung berbatu.

Mereka boleh menikmatinya melalui "street learning/ digital learning" dengan hanya mendaftar masuk dalam akaun-akaun media sosial dan mula mengakses laman seperti Youtube dengan pelbagai kelas tutorial percuma.

Ia contoh paling mudahnya untuk difaham.

Ia walaupun memintas den-

gan cepat proses pengetahuan IQ dipindahkan daripada pembekal kandungan kepada pelanggan, namun secara halus dan seni dan pertimbangan adab dan ilmi, ianya adalah fenomena tidak sihat.

Pelajaran bukan sahaja untuk memenuhi kapasiti akal, tetapi akhlak.

Pendidikan secara berguru perlu. Ia proses utama memindahkan adab (ta'dib).

Sebagai pendidik (educator) termasuk para aktivis sebagai pendidik tidak rasmi (informal educator), anak-anak adalah pelanggan.

Manakala, kita perlu menjual produk yang dapat menangkap kedinamikan pertumbuhan mereka yang telah begitu VUCA.

Sekolah-sekolah masa depan seperti yang disebutkan di atas belum mendapat tempat sempurna.

Namun, mendengar keterujaan penggerak mereka kami optimis.

Perlahan tetapi pasti, ia akan menjadi pilihan yang bukan lagi alternatif.

Manusia moden akan mula membayar hutang mereka terhadap ketertutupan hidup menuju kebebasan menikmati pendidikan di lapangan terbentang.

Alam tak ambang adalah guru.



MUHAMAD HANAPI JAMALUDIN
Presiden Benevolent

Latih Jurulatih, Perangi Jenayah Digital!

Kementerian Komunikasi bakal melancarkan siri latihan Train the Trainers bagi Kempen Keselamatan Dalam Talian.

Matlamatnya? Mempercepat usaha membanteras jenayah siber, berita palsu, dan hasutan!

INISIATIF TRAIN THE TRAINERS BAGI KEMPEN KESELAMATAN DALAM TALIAN

- ▶ Dilangka dilaksanakan menjelang April 2025
- ▶ **Objektif**
 - ▶ Mempercepat pelaksanaan kempen menghentikan jenayah dalam talian termasuk penyebaran berita palsu dan hasutan
- ▶ **Sasaran Kempen**
 - ▶ 10,000 sekolah
 - ▶ Semua universiti awam
- ▶ **Fokus Kempen**
 - ▶ Melarang kanak-kanak bawah 13 tahun memiliki akaun media sosial
 - ▶ Memastikan penggunaan internet di bawah pengawasan ibu bapa / penjaga
 - ▶ Meningkatkan kesedaran bagi mengelakkan masyarakat jadi mangsa:
 - Penipuan dalam talian
 - Judi dalam talian
 - Bulli Siber
 - Jenayah pedofilia
 - ▶ Menggalakkan penggunaan internet secara selamat dan beretika

YB FAHMI FADZIL
Menteri Komunikasi

Sumber: www.kominfo.gov.my 24 Februari 2025

Pelawaan permohonan Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS) 2025

Dengan inspirasi bagi melahirkan lebih ramai pemimpin dalam kalangan wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menganjurkan program PERANTIS.

Apa itu PERANTIS ?

Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS) 2025 bagi memperkasa kepimpinan wanita melalui bimbingan tokoh wanita berjaya.

Melalui program ini, tokoh wanita atau wanita berjaya yang terpilih akan diberikan geran peruntukan untuk menjalankan program pembangunan kepimpinan wanita bagi melonjakkan kompetensi wanita dalam pelbagai bidang.

Tunggu apa lagi? Jangan lepaskan peluang keemasan ini.

Mungkin adalah PERANTIS yang kami cari.

Tarikh permohonan: 27 Februari 2025 - 26 Mac 2025.

Untuk info lanjut dan cara memohon, layari pautan berikut : <https://iwanita.my/>

PELAWAAN PERMOHONAN PERANTIS 2025

Objektif

- Melahirkan lebih ramai pemimpin wanita yang berprestasi, inovatif, dan berdaya saing dalam masyarakat.
- Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang peranan wanita dalam pembangunan negara.
- Menggalakkan penggunaan internet secara selamat dan beretika.

Info permohonan

- Umur: 21 tahun ke atas (tidak melebihi 60 tahun).
- Pendidikan: Sarjana atau lebih.
- Status: Bekerja atau berkecuali.
- Lokasi: Berdomisili di Malaysia.
- Tarikh permohonan: 27 Februari 2025 - 26 Mac 2025.
- Bilangan permohonan: 1 permohonan sahaja.
- Bilangan permohonan: 1 permohonan sahaja.

TARIKH PERMOHONAN: 27/02/2025 - 26/03/2025

PAUTAN LAMAN: <https://iwanita.my/>

MINI QR CODE

03-6222-9111 (Waktu Pejabat)

03-6222-9111 (Waktu Pejabat)

TERIMA KASIH PMX & KERAJAAN MADANI

1. Bantuan awal persekolahan (BAP) RM150

Kepada setiap murid secara one-off!

2. Sumbangan Tunai Rahmah (STR) & Sumbangan Asas Rahmah (SARA)

RM500, RM250, RM150, RM50, RM100, RM200

Susu, Minyak Masak

3. Pembayaran gaji minimum RM1,700

Bevi manfaat kepada 4-37 juta pekerja di Malaysia

4. Bantuan Khas Kewangan (BKK)

Pegawai Awam RM 500

Pesara Kerajaan RM 250

Syukur.

megot@negerikita



February

MAJLIS RUMAH TERBUKA TAHUN BARU CINA PERINGKAT NEGERI SEMBILAN
 17 February 2025 | The Grand Hall Lukut

RAMADHAN ON WHEELS
 17 Mac 2025 | Masjid Daerah Seremban

PROGRAM BERSAMA MASYARAKAT : PROGRAM TADARUS DAN KHATAM AL- QURAN PERDANA 2025/1446H
 19 Mac 2025 | Masjid Qariah Sikamat

SAMBUTAN NUZUL QURAN
 19 Mac 2025 | Kolej Vokasional Dato' Undang H. Muhamad Sharip

PROGRAM NUR QURAN "HULUR TANGAN RINGAN BEBAN" DAERAH KUALA PILAH TAHUN 2025
 25 Mac 2025 | Balai Undang Luak Johol

Mac

April

EARTH DAY RETREAT
 18-20 April 2025 | The Hooton Retreat

7 WONDERS CHALLENGE 2025 (SERIES 1)
 19 April 2025 | Rembau

PAMERAN GUA ARKEOLOGI GUA PELANGI
 April 2025 | Museum Negeri, Seremban

PROGRAM HARI KEBUDAYAAN MEGALITIK 2025
 April 2025 | Pengkalan Kempas, Linggi

Wanita Ikon Negeri Sembilan

Inspirasi wanita berjiwa kental dan berwawasan jauh



PUAN NORAINI HANIPAH adalah contoh wanita berjiwa kental yang telah menempa kejayaan luar biasa melalui ketabahan dan semangat yang tidak pernah luntur.

Dilahirkan pada 9 Disember 1983 di Batu Pahat, Johor; beliau dibesarkan dalam sebuah keluarga sederhana yang menjunjung tinggi nilai kekeluargaan serta mengutamakan kerja keras demi kelangsungan hidup.



Permulaan yang sederhana

Sejak kecil, Puan Noraini sudah dididik dengan erti kesederhanaan dan ketabahan.

Selepas menamatkan persekolahan menengah, beliau berhijrah ke Seremban untuk memulakan kerjaya.

Bermula sebagai jurujual di pasar raya dan seterusnya sebagai kerani di sebuah syarikat kontraktor di Seremban, beliau tidak pernah berhenti berusaha memperbaiki kehidupan keluarganya.

Dengan semangat yang tinggi, beliau melangkah lebih jauh dengan menceburi bidang kontraktor Kelas F dalam industri pembinaan.

Pengalaman dalam bidang ini sangat berharga, namun, di sudut hati beliau, wujud keinginan untuk mencuba sesuatu yang baharu.

Minatnya yang mendalam terhadap bidang fesyen mendorong beliau untuk mencuba secara suka-suka.

Tidak disangka, langkah kecil itu akhirnya membawa beliau ke arah kejayaan luar biasa.

Transformasi dalam dunia perniagaan

Bermodalkan RM4,000 yang dikongsi bersama suami dan adiknya, Puan Noraini memulakan perniagaan dirumah dengan menjual kain pasang secara dalam talian.

Pada peringkat awal, sambutan yang diterima kurang memberangsangkan.

Namun, beliau tidak pernah berputus asa. Bersama suami dan adiknya, mereka terus berusaha mencari strategi terbaik untuk memperkenalkan jenamanya di media sosial yang pada ketika perniagaan atas talian belum berkembang sepenuhnya.

Beliau juga pernah mencuba berniaga di Uptown Senawang, namun ianya tidak bertahan lama.

Mereka kemudian membuat keputusan untuk menyewa sebuah premis di bangunan MARA, Seremban, bagi meluaskan operasi perniagaan.

Berkat kesungguhan dan kerja keras, perniagaan mereka mula berkembang pesat.

Menyedari potensi besar dalam perniagaan atas talian, Puan Noraini dan suaminya mengambil langkah bijak dengan menyertai program bimbingan bersama RichWorks di bawah tunjuk ajar Datuk Wira Dr.Azizan Osman dan akhirnya jenama Anggun Cotton Collection kini dikenali ramai.

Berkat usaha gigih beliau selama ini Anggun Cotton Collection mempunyai



enam buah butik seluruh Malaysia dan berjaya melantik duta produk, mempunyai 110 billboard di seluruh Malaysia dan iklan radio.

Pengiktirafan dan anugerah

Keazaman dan dedikasi Puan Noraini dalam dunia perniagaan telah membuahkan hasil yang membanggakan.

Usaha kerasnya bukan sahaja diiktiraf di peringkat negeri, malah di peringkat kebangsaan melalui beberapa anugerah berprestij:

Champion VIP Reward - pengiktirafan dari J&T Express pada tahun 2019 untuk jualan tertinggi bagi kategori pelanggan VIP.

Business Sustainability Award 2019 - Pengiktirafan dari Richwork Titanium Program.

Champion Award - Pengiktirafan dari J&T Express pada tahun 2020 untuk jualan tertinggi bagi zon selatan.

Best VIP for the first half of year 2022 - Pengiktirafan dari J&T Express pada tahun 2022 untuk jualan tertinggi.

Brandlaureate The World's First Smes Bestbrand E-Branding Award 2020 - Menerima pengiktirafan bagi kategori Fashion Cotton Baju Kurung pada 3 Disember 2020.

Anugerah Superbrand Status - Pengiktirafan product Anggun Cotton Collection dari Superbrand pada 8 November 2021.

Gladiator Award 2021 - Pengiktirafan dari Richwork Program.

Gladiator Prime Award 2022.

Gladiator Prime Award 2023.

Best VIP 2024 - Pengiktirafan dari J&T Express pada tahun 2024 untuk jualan tertinggi.

Anugerah Wanita Ikon Negeri Sembilan (22 September 2024) – Mengiktiraf sumbangan beliau dalam memperkasakan wanita dan memberi inspirasi kepada masyarakat setempat.

Nona Superwoman Award 2024 (8 Januari 2025) – Anugerah ini diberikan kepada beliau atas pencapaian luar biasa dalam dunia keusahawanan dan kepimpinan wanita.

Titanium Gladiator Prime Award dari RichWorks (11 Februari 2025) – Anugerah ini mengiktiraf kejayaan beliau mencapai tahap tertinggi dalam program RichWorks, melambangkan kekuatan dan kegigihan luar biasa sebagai seorang usahawan wanita.



Inspirasi kepada generasi muda

Kisah kejayaan Puan Noraini adalah bukti bahawa tiada kejayaan yang datang tanpa usaha keras dan ketabahan.

Berbekalkan kehidupan yang sederhana, beliau bangkit menjadi seorang ikon wanita yang disegani dan dihormati dalam industri perniagaan.

Dengan sifat rendah diri serta semangat yang tidak pernah luntur, beliau terus komited membantu golongan wanita lain menjana pendapatan dan mencapai impian masing-masing.

Semoga kisah inspirasi Puan Noraini ini menjadi teladan kepada wanita-wanita lain agar berani melangkah keluar dari zon selesa, seterusnya mengejar impian dengan penuh dedikasi dan semangat juang yang tinggi.



SHELA YEN ABDULLAH
Pegawai Penyelidik Exco Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sembilan

Menteri New Zealand letak jawatan selepas insiden menyentuh kakitangan



WELLINGTON: Menteri Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna New Zealand, Andrew Bayly, mengumumkan peletakan jawatannya dari Kabinet susulan insiden yang melibatkan sentuhan fizikal

terhadap seorang kakitangan ketika perbincangan tegang.

Bayly mengakui tindakannya dengan meletakkan tangan di lengan kakitangan tersebut sebagai sesuatu yang tidak wajar.

"Saya telah membawa perbincangan itu terlalu jauh dan menyentuh lengan individu berkenaan, yang mana ia bukan tindakan yang sesuai," katanya kepada pemberita.

Beliau turut mengesahkan bahawa satu aduan telah dibuat mengenai kejadian yang berlaku minggu lalu, namun enggan mengulas lanjut mengenainya.

Ini bukan kali pertama Bayly terpalit kontroversi.

Sebelum ini, beliau pernah memohon maaf susulan lawatannya ke sebuah

syarikat pada Oktober lalu yang mencetuskan kritikan.

Seorang pekerja mendakwa Bayly kelihatan seperti di bawah pengaruh alkohol, menggunakan bahasa kasar, serta berulang kali memanggilnya sebagai "loser" sambil membuat isyarat "L" di dahi.

Bayly kemudiannya menafikan berada dalam keadaan mabuk dan menjelaskan bahawa tindakannya hanyalah gurauan yang disalah tafsir.

Walaupun melepaskan jawatan menteri, Bayly menegaskan bahawa beliau akan terus berkhidmat sebagai Ahli Parlimen dan berhasrat mewakili kawasan pilihannya.

Perdana Menteri New Zealand, Christopher Luxon, mengesahkan insiden terbaru itu berlaku pada 18

Februari dan beliau menerima peletakan jawatan Bayly pada Jumaat lalu.

Namun, pengumuman mengenainya ditangguhkan bagi memberi ruang kepada Bayly berbincang dengan keluarga dan pasukannya.

"Kami telah bertindak pantas dalam perkara ini. Ia satu keputusan yang perlu dibuat segera," kata Luxon kepada media.

Beliau turut menghargai keputusan Bayly untuk terus berkhidmat sebagai Ahli Parlimen serta mengucapkan terima kasih atas sumbangannya dalam kerajaan.

Jawatan Bayly sebagai Menteri Perdagangan kini diambil alih oleh Scott Simpson, yang sebelum ini berperanan sebagai ketua disiplin parti dalam parlimen.

OIC kecam serbuan Netanyahu dan Katz ke Kem Pelarian Tulkarm

RAMALLAH: Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu, dan Menteri Pertahanannya, Yisrael Katz, yang menyerbu kem pelarian Tulkarm, lapor Agensi Berita Palestin (WAFA).

Dalam satu kenyataan, OIC menyifatkan serbuan itu

sebagai sebahagian daripada siri serangan berterusan Israel terhadap rakyat Palestin.

OIC turut menzahirkan kebimbangan terhadap ancaman yang dihadapi kem pelarian di Tebing Barat, yang dilihat sebagai usaha menghapuskan isu pelarian serta menafikan hak mereka untuk kembali.



Tindakan seperti pemusnahan rumah dan pemindahan paksa bukan sahaja menyalahi undang-undang antarabangsa tetapi juga melanggar resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sehubungan itu, OIC menyeru masyarakat antarabangsa agar mengambil tindakan segera bagi menghentikan

pelanggaran hak asasi dan memastikan pihak yang bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan.

Thailand perhebat usaha banteras sindiket penipuan pusat panggilan dengan kerjasama serantau

BANGKOK: Kerajaan Thailand terus memperkukuh kerjasama dengan negara jiran dalam usaha membanteras sindiket penipuan pusat panggilan rentas sempadan yang semakin berleluasa.

Jurucakap Kementerian Pertahanan, Mejar Jeneral Thanathip Sawangsaeng, memaklumkan bahawa Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan, Phumtham Wechayachai, memimpin langkah tegas bagi mengekang kegiatan jenayah ini yang menyebabkan kerugian besar kepada rakyat dan ekonomi negara.

"Kerajaan telah mengambil pendekatan proaktif menerusi pelan 'Cut Power, Cut Internet, Cut Fuel' di lima kawasan utama dengan kerjasama China dan Myanmar bagi membanteras rangkaian jenayah ini secara lebih berkesan," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Phumtham turut mengadakan perbincangan dengan Menteri Pertahanan Laos untuk memperkukuh kerjasama keselamatan dalam menangani jenayah rentas sempadan, termasuk penyeludupan dadah, pemerdagangan manusia, dan jenayah siber.

Kedua-dua negara bersetuju

untuk merangka memorandum persefahaman bagi menutup ruang yang membolehkan kegiatan haram ini berterusan.

Bagi mengelakkan sindiket daripada berpindah operasi ke negara jiran, Inspektor Jeneral Thatchai Pitaneelabut telah dihantar menghadiri mesyuarat dengan Polis Negara Kemboja pada Jumaat bagi membincangkan langkah seterusnya.

Thanathip menegaskan bahawa selain tindakan penguatkuasaan, kerajaan Thailand juga membangunkan mekanisme kerjasama antarabangsa bagi memastikan sindiket penipuan

pusat panggilan tidak kembali beroperasi.

Perdana Menteri Paetongtarn Shinawatra dan Phumtham berikrar untuk terus melindungi rakyat daripada ancaman jenayah ini serta memastikan sindiket terbabit tidak lagi dapat menipu atau merugikan masyarakat.

"Mereka menekankan bahawa usaha terbaru telah menunjukkan hasil yang positif dan kerajaan akan terus berusaha sehingga masalah ini dapat ditangani sepenuhnya," katanya.

Sebagai sebahagian daripada



Citek FC muncul johan Piala YAB Menteri Besar Negeri Sembilan



LABU: Pasukan bola sepak Citek FC muncul sebagai juara Piala YAB Menteri Besar Negeri Sembilan anjuran Persatuan Kebajikan Rasah Negeri Sembilan (PEKAN) di Sports Arena Kota Seriemas.

Citek FC berjaya menumbangkan LBEE J FC dengan jaringan gol 1-0 dan membawa pulang piala, pingat dan hadiah wang tunai RM3,500.

LBEE J FC pula memenangi hadiah wang tunai RM2,000 dan pingat.

Manakala untuk kedudukan tempat ketiga, Sangkara FC menewaskan ABK FC dengan jaringan 2-1 dalam penentuan sepakan penalti.

Sangkara FC memenangi hadiah wang tunai RM1,000 dan pingat; manakala ABK FC menerima hadiah wang tunai RM500 serta pingat.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun

menyampaikan hadiah kepada semua pemenang.

Dalam pada itu, Aminuddin menyatakan harapan beliau agar dengan penganjuran kejohanan seperti ini dapat mencungkil bakat anak muda di Negeri Sembilan dan seterusnya membimbing mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

"Selain daripada program sukan, saya berharap penyertaan anak-anak muda DUN Labu dalam program-program lain yang boleh berikan manfaat.

"Saya berharap kepada anak-anak muda dapat memberikan sokongan kepada Pusat Khidmat Rakyat DUN Labu dalam apa jua perkara.

"Bukan setakat membuat aduan dan permohonan, tetapi kita nak supaya Pusat Khidmat Rakyat DUN Labu dapat kita gunakan sebagai satu pusat untuk membangunkan golongan anak-anak muda khususnya dalam

memastikan program-program yang berterusan," ujar beliau.

Aminuddin tambah, selaku Menteri Besar, beliau yakin dan akan membantu bagi memastikan perjalanan program-program di DUN Labu ini dapat dilaksanakan.

"Adalah penting mengadakan program untuk anak muda kerana ini lah tempat untuk mereka menyatakan hasrat mereka.

"Jadikan pusat khidmat rakyat untuk mereka menyatakan apakah keperluan mereka.

"Saya yakin bahawa ini juga dipertimbangkan bukan sahaja di peringkat Kerajaan Negeri tetapi juga oleh Kerajaan Persekutuan," kata Aminuddin.

Terlebih dahulu, Penyelaras DUN Labu, Ahmad Faez Abdul Razak dalam ucapan beliau, memohon

kepada Aminuddin agar sebuah dewan tertutup dibina di DUN Labu.

"DUN Labu amatlah memerlukan sebuah dewan tertutup bukan sahaja untuk mengadakan program kemasyarakatan tetapi juga untuk aktiviti sukan seperti futsal, badminton dan sepak takraw demi permintaan dan keperluan anak-anak muda di DUN Labu.

"Kemudahan ini perlu bukan sahaja untuk aktiviti sukan semata-mata tetapi untuk mencungkil bakat baharu di kalangan anak muda DUN Labu," kata Ahmad Faez.

Sementara itu, Aminuddin meminta Ahmad Faez membuat satu permohonan bertulis kepada beliau untuk meneliti permohonan tersebut dan tindakan sewajarnya.



Liga Wanita Nasional medan cengkil lebih ramai pemain berkualiti

Liga Wanita Nasional (LWN) yang memasuki edisi keempat musim ini dianggap sebagai pentas terbaik untuk melahirkan lebih ramai pemain berkualiti terutamanya dalam kalangan pemain muda.

Perkara itu disuarakan Pengerusi Jawatankuasa Bola Sepak Wanita FAM, Dato' Suraya Yaacob bersandarkan kepada saingan LWN musim lalu.

"Secara keseluruhannya, LWN 2024 telah mencapai sasaran dari segi perlawanan dan juga minit permainan yang diperolehi para pemain.

"Apa yang paling penting adalah pemain baharu terus diberikan peluang untuk beraksi.

"Ini adalah satu kejayaan buat LWN 2024," katanya.

Pada masa sama, Suraya yang juga Exco FAM yakin barisan pemain muda mampu mengembangkan lagi bakat jika terus diberikan kepercayaan membarisi pasukan masing-masing.

"Peluang pemain muda menggalas cabaran Malaysia pada peringkat antarabangsa menjadi antara aspek positif hasil aksi konsisten dalam saingan LWN 2024.

"Jika kita lihat, pada tahun lalu, skuad wanita negara memberi ruang kepada lebih ramai pemain muda untuk menggalas cabaran ke Arab Saudi.

"Purata umur pemain adalah sekitar 23 tahun.

"Kita perlu memberi pemain muda pendedahan agar dapat beraksi lebih baik pada peringkat tertinggi dan lebih kompetitif," ujamnya.

Pada LWN 2024, sebanyak lapan pasukan mengambil bahagian dengan membabitkan keseluruhan 56 perlawanan.

Menariknya, buat pertama kali setiap perlawanan saingan LWN musim lalu telah berlangsung di stadium; tidak seperti beberapa edisi sebelum itu.

"Sudah tentu harapan saya adalah untuk melihat LWN ini terus menjadi tumpuan para peminat bola sepak di Malaysia sekaligus merencanakan lagi arena bola sepak wanita dalam negara.

"Paling penting, menerusi penganjuran LWN, kita dapat mencapai objektif yang ditetapkan dengan mencengkil bakat-bakat baharu," katanya.

Saingan LWN 2025 dijadualkan secara rasmi membuka tirainya pada 12 April depan.

Sinar baharu skuad Malayan Tigress



Liga Wanita Nasional (LWN) semakin menampakkan impak sejak kali pertama dianjurkan pada tahun 2022.

Memasuki edisi keempat pada tahun ini, LWN musim 2024 yang lalu telah memperlihatkan banyak perkara positif sehingga memberi sinar baharu kepada skuad Malayan Tigress.

Pengendali skuad wanita negara, Soleen Al-Zoubi berkata, beliau kini telah mendapat kelompok pemain yang lebih besar dengan penganjuran LWN.

Bersandarkan kumpulan pemain sedia ada, Soleen berazam membentuk pasukan lebih ampuh yang mampu bersaing di pentas kompetitif.

"Saya percaya LWN kali ini lebih berjaya berbanding edisi lalu kerana lebih banyak pasukan bertanding.

Pemain-pemain juga mendapat peluang beraksi dengan lebih kerap.

"Kita memerlukan satu liga wanita yang kompetitif.

"Kira-kira 300 pemain beraksi tahun lalu, itu adalah satu persaingan yang amat bagus.

"Ramai juga muka baharu termasuklah jurulatih wanita yang mula mengambil bahagian.

"Jadi, saya percaya kita berada pada landasan terbaik," katanya.

Pada masa sama, Soleen memberitahu, proses untuk melahirkan lebih ramai pemain wanita berprofil tinggi bagi memperkuatkan skuad negara juga giat diteruskan.

"Matlamat kami adalah mahu menghubungkan falsafah pasukan kebangsaan selari dengan kelab dalam liga.

"Kita mahu membina identiti buat pasukan kebangsaan.

"Saya mahu melihat satu sistem organisasi yang lebih baik setiap tahun.

Sukan

Negeri Kita

M.s. 30
Citek FC juara Piala Menteri Besar



Lapan pasukan buru takhta MPFL Divisyen 1 2025

Sebanyak lapan pasukan bakal menghangatkan saingan Malaysia Premier Futsal League (MPFL) Divisyen 1 2025.

Johor Darul Ta'zim (JDT) turun dengan status penyandang juara selepas merekodkan 13 kemenangan dan hanya tewas sekali untuk mengumpul 39 mata dalam saingan format liga dua pusingan (home dan away) pada musim lalu.

Malah, JDT juga bakal tampil selaku juara berganda selepas kejayaan men-

juarai Malaysia Futsal Cup (MFC) 2024 hasil persembahan cemerlang menewaskan Selangor FC 3-2 pada aksi final di Axiata Arena, Bukit Jalil.

Selain JDT, Selangor yang juga naib juara MPFL 2024 dan pemenang tempat ketiga, Pahang Rangers telah mengesahkan penyertaan bagi saingan musim 2025.

Lima lagi pasukan yang telah mengesahkan penyertaan ialah TOT United FC, Sabah FA, KL City FC selain kehadiran dua pendatang

baharu - Kedah dan Malaysian University FT bagi melengkapkan senarai lapan pasukan.

Kedah tampil dengan reputasi selaku naib juara edisi sulung MPFL Divisyen 2 musim lalu, manakala Malaysian University FT mengakhiri cabaran di tangga keempat.

Saingan MPFL Divisyen 1 2025 dijadualkan membuka tirai pada 8 Mac dan bakal berlangsung sehingga 13 Julai 2025.



8 PASUKAN BURU TAKHTA MPFL DIVISYEN 1 2025

Mohd Joehari Presiden FAM yang baharu



SUBANG JAYA: Kongres Tahunan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) Kali Ke-61 2025 telah berlangsung di Hotel Dorsett Grand Subang, Subang Jaya, yang dipengerusikan oleh Presiden FAM, Tan Sri Dato' Hamidin Mohd Amin.

Berikut kepimpinan baharu FAM penggal 2025-2029:

Presiden FAM
Dato' Mohd Joehari Mohd Ayub.
(Menang tanpa bertanding)

Timbalan Presiden FAM
Dato' Wira Mohd Yusoff Mahadi.
Dato' S.Sivasundram.
(Menang tanpa bertanding)

Naib Presiden FAM
Dato' Seri Rosmadi Ismail.
Dato' Mohd Azhar Jamaluddin.
Dato' Dollah Salleh.
Saaran Nadarajah.

Ia disusuli sesi pemilihan Jawatankuasa Eksekutif FAM bagi penggal baharu 2025-2029 yang mana Dato' Mohd Joehari Mohd Ayub telah dipilih sebagai Presiden FAM yang baharu menggantikan Tan Sri Dato' Hamidin yang tidak

mempertahankan jawatannya. Dalam kalangan 17 orang Ahli Jawatankuasa Eksekutif bagi penggal baharu ini, lapan muka lama terus diberikan mandat bersama-sama sembilan muka baharu.

Exco FAM
Dato' Zainal Abidin Hassan.
Hishamuddin Abdul Karim.
Dato' Mohd Hisamudin Yahaya.
Mohd Azizudin Mohd Shariff.
Tang Chee Hong.
Dato' Kamarudin Hassan.
Dato' Sri Mohd Yusri Hassan Basri.
Dato' Dr.P.Sugumaran.

Exco FAM (Wanita)
Dr.Siti Faidul Maisarah Abdullah.
Dato' Suraya Yaacob.